

KAJIAN BIOTIK DI DALAM PUISI IBAN LEKA  
SAMPI: SATU INTERAKSI DI ANTARA MANUSIA  
DAN ALAM MENGGUNAKAN TEORI EKOLOGI

WILIEMINA NILY ANAK GADING

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN  
2023



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

KAJIAN BIOTIK DI DALAM PUISI IBAN LEKA SAMPI :SATU  
INTERAKSI DI ANTARA MANUSIA DAN ALAM MENGGUNAKAN  
TEORI EKOLOGI

WILIEMINA NILY ANAK GADING  
C19A0848

Tesis Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian  
Warisan Dengan Kepujian

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FEBRUARI 2023

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- |                                     |         |  |
|-------------------------------------|---------|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagainaskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)  |
| <input type="checkbox"/>            | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah |
| Dari tarikh..... sehingga.....      |         |  |
| <input type="checkbox"/>            | SULIT   | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)   |
| <input type="checkbox"/>            | TERHAD  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)  |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

*mina*

Tandatangan Pelajar

*Sudirman*

Tandatangan Penyelia

Nama: Wiliemina Nily Anak Gading  
KifliNo. Kad Pengenalan: 990416-13-6688  
Tarikh: 20 Februari 2023

Nama Penyelia: En. Sudirman Bin  
Tarikh: 20 Februari 2023

## PENGHARGAAN

Syukur keatas kesempatan dan ruang yang diberikan olehNya kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, saya dapat sampai ke tahap ini dan dapat menyiapkan dengan sempurna hasil kajian yang telah dijalankan. Laporan yang disiapkan adalah bagi memenuhi syarat bergraduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (Kesusasteraan Warisan) di Universiti Malaysia Kelantan dalam tempoh yang telaah ditetapkan. Menadah tangan tanda kesyukuran kerana dengan segala masalah dan juga dugaan dapat diatasi dengan baiknya. Oleh hal itu, segala permasalahan yang telah dihadapi dapat menjadikan saya dapat mengenal erti kesabaran dan kemanisanya sebuah perjuangan.

Dengan ini, saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan kepada penyelia selaku Pensyarah projek penyeliaan yang dihormati, Encik Sudirman Bin Kifli dengan segala tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya telah memberi ruang dan kesempatan dalam menjayakan tugas ini. Seterusnya, buat kedua ibu bapa saya iaitu Puan Betty Anak Garamong dan En. Gading Anak Beliang serta saudara - saudari saya atas segala sokongan moral, pendorong kata-kata semangat dan bantuan khusus dari segi ekonomi sepanjang pengajian saya. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan saya yang banyak membantu khusus dalam memberi pandangan serta peringatan setiap kerja-kerja yang harus disempurnakan sepanjang kajian ini dijalankan.

Ati ku Kenyalang,

Tubuh ku achang,

Ensumbar ku terbilang,

Pemandang ku kumang,

Aku tu meh disebut endu dara Wiliemina.N.G bansa dayak datai ari menua Layar  
Sepak, Betong.

Willemina Nily Anak Gading  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
19 Februari 2023

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	vi
<b>ABSTRACT</b>	vii
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
<b>1.0 Pengenalan</b>	1
<b>1.1 Permasalahan Kajian</b>	8
<b>1.2 Persoalan Kajian</b>	10
<b>1.3 Objektif Kajian</b>	10
<b>1.4 Skop dan Batasan</b>	11
<b>1.5 Kepentingan Kajian</b>	12
<b>1.6 Metodologi Kajian</b>	
1.6.1 Kaedah Kajian Teks (Narrative Analysis)	17
1.6.2 Kaedah Kepustakaan	18
1.6.3 Kaedah Rujukan Sumber Internet	18
1.6.3 Kerangka Teori	19
<b>1.7 Organisasi Kajian</b>	20
<b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN</b>	

<b>2.0 Pengenalan</b>	20
<b>2.1 Sorotan Kajian</b>	
<b>2.1. Kajian lepas mengenai unsur alam dalam hasil pengkaryaan</b>	
2.1.1 Thesis Peringkat Sarjana Muda	22
<b>2.2 Kajian lepas mengenai Teori Ekologi</b>	
2.2.1 Thesis Ijazah Doktor Falsafah	23
<b>2.3. Kajian lepa mengenai Puisi Iban</b>	
2.3.1 Thesis Ijazah Doktor Falsafah	26
2.3.2 Artikel Jurnal	26
2.3.3 Buku	26
<b>2.2 Penutup</b>	29
<b>BAB 3: DEFINISI TEORI DAN PENDEKATAN</b>	30
<b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>	
<b>4.0 Pendahuluan</b>	33
<b>4.1 Definisi Konsep Unsur Biotik</b>	34
<b>4.2 Unsur-Unsur Biotik Flora yang terkandung di dalam puisi Iban <i>Sampi enggau Biau</i></b>	36
4.2.1 Alam Flora	37
<b>4.3 Unsur-Unsur Biotik Fauna yang terkandung di dalam puisi Iban <i>Sampi enggau Biau</i></b>	56
4.3.1 Alam Fauna	57

<b>4.4 Kesimpulan</b>	71
<b>BAB 5: KESIMPULAN</b>	
<b>5.0 Pengenalan</b>	73
<b>5.1 Rumusan</b>	73
<b>5.2 Cadangan</b>	75
<b>5.3 Penutup</b>	77
<b>RUJUKAN</b>	79
<b>RUJUKAN INTERNET</b>	80

#### **SENARAI RAJAH**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Rajah 1:</b>	<b>6</b>
<b>Rajah 2:</b>	<b>19</b>

Kajian Biotik Di Dalam Puisi Iban Leka Sampi :Satu Interaksi Di Antara Manusia Dan Alam  
Menggunakan Teori Ekologi

## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan adalah kerana puisi leka sampi ini merupakan puisi yang kaya dengan pelbagai jenis teguran dan panduan, nasihat dan pengajaran yang disampaikan oleh pengarang. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti kajian biotik yang terdapat di dalam puisi tradisional leka sampi serta menganalisis perseptif unsur alam didalam puisi tersebut. Sehubungan dengan itu, bagi menjayakan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui kaedah menganalisis teks, kaedah rujukan internet serta menggunakan teori ekoloogi melalui kajian biotik. Hasil daripada perbincangan ini, Puisi Leka Sampi merupakan puisi yang mempunyai banyak unsur alam yang mengandungi alam flora dan alam fauna yang menimbulkan keindahan dalam penciptaan Puisi ini. Seterusnya, melalui puisi tersebut dapat dilihat terdapat interaksi yang unsur alam dengan manusia seperti dapat digunakan sebagai panduan, nasihat kepada pembaca.

Kata kunci: unsur alam, kajian biotik, teori ekologi

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

*Biotic Study In Iban Leka Sampi'S Poetry: An Interaction Between Humans And Nature Using Ecological Theory*

ABSTRACT

*This study was done because this leka sampi poem is a poem rich in various types of remarks and guidance, advice and lessons delivered by the author. Therefore, this study was conducted to identify the biotic studies found in the traditional leka sampi poetry as well as to analyze the perspective of natural elements in the poem. In relation to that, in order to make this study a success, the researcher used a qualitative method that is through the method of text analysis, internet reference method as well as using ecological theory through biotic studies. As a result of this discussion, Leka Sampi Poem is a poem that has many natural elements that contain flora and fauna that create beauty in the creation of this Poem. Next, through the poem it can be seen that there is an interaction between natural elements and humans that can be used as a guide and advice to the reader.*

*Keywords:* natural elements, biotic studies, ecological theory

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Pada bab pendahuluan ini yang mana akan membincangkan terlebih dahulu tentang asal-usul masyarakat Iban yang berada di Negeri Sarawak dan memperkenalkan jenis puisi rakyat Iban yang telah diperturunkan daripada satu generasi ke generasi yang seterusnya,. Dalam awal bab ini juga akan menyatakan permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, metodologi dan organisasi kajan.

##### 1.1.1 Asal Usul Masyarakat Iban

Menurut catatan sejarah, pada awal masyarakat Iban telah berasal dari Kapuas, Indonesia dan kemudiannya berhijrah dan mencari tempat tinggal mereka yang pertama di Sarawak. Manakala, menurut Freeman (1955), corak kehidupan mereka adalah secara berumah panjang dan tinggal bersama dalam kalangan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, ciri-ciri ini amat berkaitan dengan organisasi sosial masyarakat Iban. Menurut Jensen (1966), beliau menyatakan bahawa masyarakat Iban dulu memilih untuk tinggal di Batang Ai kapuas disebabkan laluan utama mereka kerana jalan tersebut yang paling mudah untuk melintasi sempadan antara Sarawak dengan Kalimantan. Manakala, Eenik Dayak Iban adalah terdiri daripada Ilban Skrang, Iban Miri-Bintulu-Limbang, Iban Saribas, Iban Batang Rajang, Iban Undop, Iban Lemanak dan Iban Malikin.

Kaum Iban turut dikenali sebagai *Sea Dayak*. Kaum ini merupakan satu kaum yang terbesar di Sarawak. Hal ini demikian kerana, dengan menurut Sandin (1967) beliau menyatakan bahawa kaum Iban

sememangnya berasal dari Lembah Sungai Kapuas yang kini dikenali sebagai Kalimantan yang berhampiran dengan negeri Sarawak. Selain itu juga, masyarakat Iban yang digelar sebagai Dayak Laut adalah disebabkan menjadikan sungai atau laut sebagai medium utama dari segi pengangkutan. Justeru itu, mereka berasa bangga kerana menjadi seorang pengembara sehingga sentiasa dijumpai di setiap jalan air. Menurut Vinson (1978), beliau turut menyatakan bahawa persekitaran juga mempengaruhi tindakan mereka untuk mengadaptasikan diri dengan habitat semula jadi. Mereka sentiasa berusaha untuk mendapatkan sumber makanan serta keperluan untuk meneruskan hidup.

Seterusnya, faktor ekologikal juga merupakan sebab yang kukuh menyebabkan perpindahan kaum Iban kerana terdapat banyak tumbuhan, ikan dan binatang buruan di dalam hutan tebal. Dari segi amalan hidup pula, masyarakat Iban masih berlandaskan hukum adat, pantang larang, tolak ansur (toleransi) dan mementingkan perhubungan erat antara satu sama lain. Tambah pula, dengan sikap masyarakat Iban yang gemar bejalai (mengembara) bagi memperluaskan lagi pengalaman dan bagi memulakan kehidupan yang baru. Manakala. Menurut Melling(1988) menyatakan bahawa masyarakat Iban pada masa dulu menganuti dan mengamalkan pengarap lama iaitu kepercayaan tradisional dan mereka kerap mengadakan upacara-upacara ritual dan keagamaan yang berkaitan dengannya.

## KELANTAN

### 1.1.2 Puisi Iban: Jenis Leka Main

Dalam meniti arus kemodenan ini, genre sastera adalah antara penyumbang terbesar dalam menyampaikan segala maklumat, nilai-nilai kehidupan serta memberi nasihat kepada khalayak dengan menggunakan bahasa yang indah dan berfaedah. Dalam konteks ini, kajian yang dilaksanakan adalah berkaitan dengan puisi tradisional namun dalam konteks puisi Iban. Di dalam puisi tradisional terdapat banyak genre kesusasteraan seperti pantun, syair, seloka dan banyak lagi. Manakala maksud tradisional pula adalah sesebuah masyarakat yang bercorak tradisi serta masih mengamalkan cara hidup secara turun-temurun. Malaysia khususnya negeri Sarawak yang memiliki kepelbagai bangsa ataupun kaum dengan mempunyai keunikan dalam kaum mereka yang tersendiri.


Oleh sebab itu, jelas menunjukkan dengan adanya kepelbagaian bangsa ini telah mewujudkan banyak budaya dan tradisi di dalam sekitar masyarakat. Keunikan setiap yang dimiliki adalah satu warisan mereka secara turun-temurun. Budaya yang diwarisi masyarakat Iban amat berkait rapat dengan bagaimana amalan kehidupan mereka. Oleh hal yang demikian, budaya yang diamalkan oleh mereka sering kali dikaitkan dengan kepercayaan yang mengetengahkan unsur-unsur ritual, alam nyata ataupun dengan alam ghaib. Selain itu juga, masyarakat Iban ini begitu percaya bahawa alam sekeliling mereka dapat memberikan petanda dalam kehidupan mereka bagi memberikan kehidupan yang harmoni dan kesejahteraan dalam jurang kehidupan sosial mereka. Seterusnya, bagi mereka juga perlulah memberikan persembahan akan kepada dewa-dewi sama ada berbentuk semangat jahat, baik ataupun roh nenek moyang.

Segala penyampaiannya daripada kuasa-kuasa luar kepada manusia dengan melalui fenomena alam semula jadi, seperti diselitkan dengan unsur fauna ataupun flora. Persekutaran yang dianggap mempengaruhi untuk mengadaptasikan diri dengan alam semula jadi. Hal ini demikian kerana, mereka percaya bahawa segala yang wujud di persekitaran mempunyai pengaruh dalam kehidupan masyarakat Iban. Masyarakat Iban ini sememangnya memiliki keindahan dari segi budayanya yang mana dapat mencerminkan budaya serta tradisi nenek moyang mereka pada masa dulu kepada generasi sekarang. Dalam pada itu, penyelidikan ini serta sedikit akan memberikan masyarakat kursusnya masyarakat luar untuk mengenali serta mempelajari budaya serta tradisi kehidupan masyarakat Iban. Oleh hal yang demikian, tajuk penyelidikan yang dilaksanakan adalah kajian biotik dalam puisi rakyat Iban sampi enggau biau: satu interaksi di antara manusia dan alam melalui unsur teori ekologi.

Puisi Iban di Sarawak adalah disebut sebagai *leka main*. Oleh hal itu, perkataan bagi *Leka* adalah benih. Menurut Bruggeman (1987), beliau menyatakan bahawa setiap butiran kata yang dicipta adalah untuk menghasilkan puisi, lagu ataupun segala bentuk ujaran. Selain itu juga, perkataan *leka* dalam masyarakat Iban adalah membawa makna lalai, lengah ataupun asyik terhadap sesuatu perkara. Manakala, *main* dalam masyarakat Iban pula membawa makna satu bentuk hiburan ataupun sesuatu yang digunakan untuk bersuka-suka. Menurut Richards (1981), beliau menyatakan bahawa *main* ini adalah sesuatu yang merangkumi bentuk puisi untuk hiburan ataupun untuk melakukan ritual. *Main* ini diungkap untuk mengiringi sesuatu ritual yang dibuat. Hal ini dikatakan bagi

tujuan untuk berdoa meminta keberkatan ataupun apa sahaja yang diminta. Oleh itu, leka main ini boleh dikatakan sebagai satu bentuk puisi rakyat. Walaupun itu, leka main ini bukanlah sesuatu yang boleh dibawa main-main kerana pengungkapannya yang dihasilan dari daya cipta dan tentang realiti budaya yang memiliki nilai estetika, tema dan bentuknya yang unik.

Leka main ini telah tersebar pada awalnya melalui secara lisan dengan diwarisi daripada satu generasi ke generasi yang lain. Selain itu juga, leka main ini juga terbahagi kepada dua jenis iaitu leka main sekular seperti Pantun, Ensera, Sanggai, Ganu, Ramban, Ramban, Dunggai, Pelandai Ara, Pelandai Karung, Renong semain, Entelah, Sugi, Tanya Indu, Renong Adat, Ai Ansah, Jawang, Wa' Anak, Geliga, Naku palu. Mankala jenis yang kedua adalah leka main Sakral seperti Renong kayau, Pengap, Timang, Renong Sakit, Pelian, Sugi Sakit, Sabak dan sampi (puisi doa). Oleh itu, puisi lisan masyarakat Iban ini penting dalam sastera serta dalam budaya mereka. Hal ini demikian kerana, masyarakat Iban yang bijak bermain dengan kiasan kata-kata mereka akan berasa bangga jika dikatakan landik berjuluk (pandai berkata-kata) ataupun berpuisi. Oleh itu puisi Iban ini bukan sahaja sebagai medium berhibur tetapi ia juga berkait dengan kebudayaan mereka. Namun, setiap daripada Leka Main di dalam puisi Iban memiliki fungsinya yang berbeza dan jika puisi yang terdapat tidak memiliki fungsinya maka ini dianggap telah mati.



**Rajah 1:** Leka Main yang bersifat Sekular dan Sakral

(Sumber: Chemaline Anak Osup)

Oleh hal yang demikian, di dalam puisi Iban tersebut penyelidikan yang ingin dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti dan mengkaji apakah kajian biotik yang terkandung di dalam puisi rakyat Iban *sampi enggau biau* dalam menyampaikan ada perkaitan sebagai satu interaksi di antara manusia dan alam melalui teori ekologi. Teori ekologi ini merupakan sebuah cabang yang menekankan kepada bagaimana di antara hubungan organisme maupun mahluk hidup yang mempengaruhi pada sekelilingannya

Biotik ini adalah merujuk kepada ciri-ciri organisme yang hidup di persekitaran kita. Hal ini demikian dikatakan bahawa biotik ini juga berfungsi sebagai satu medium untuk menyampaikan saling berinteraksi di antara alam dengan manusia. Terdapat dalam kehidupan seseorang manusia yang mana saling bergantung dengan komponen biotik. Dalam pada itu,

Manakala, biotik ini pula telah terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu unsur flora dan fauna. Seperti yang kita sedia maklum bahawa, flora ini adalah merupakan tumbuhan yang ada di muka bumi ini. Manakala fauna pula adalah berkaitan dengan haiwan. Contohnya, dari segi unsur flora dapat dilihat adalah seperti pokok, bunga dan buah. Manakala, kita lihat pada unsur fauna pula, adalah seperti kijang, ayam, gajah, burung dan banyak lagi. Hal ini demikian kerana, adalah sangat penting di dalam penyelidikan kerana unsur flora dan fauna ini sangat unik bagi masyarakat Iban di Sarawak. Namun demikian, di dalam projek penyelidikan yang dilaksanakan pada kali ini adalah hanya memfokuskan terhadap elemen flora dan fauna yang mana terdiri di aspek kajian biotik. Teori ekologi merupakan sebuah kajian saintifik yang mana akan menyentuh mengenai hubungan antara manusia dengan alam sekitar termasuk dengan semula jadi flora dan juga unsur fauna yang ada dipersekutaran ataupun dalam lingkungannya

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.2 Permasalahan Kajian

Masalah dalam kajian ini adalah berkaitan dengan puisi Iban ini semakin hari semakin dipinggirkan oleh masyarakat. Hal ini adalah disebabkan puisi Iban ini diungkapkan secara spontan di mana mereka mengungkapkannya tidak mengikut apa yang telah ditetapkan oleh masyarakat dari zaman dahulu dalam erti kata yang lain iaitu secara pemuisi *Leka main* sampi. Seterusnya ini akan mencetuskan kekeliruan di dalam kalangan masyarakat yang masih mengetahui puisi Iban ini terutamanya kaum Iban. Manakala, bagi golongan muda yang mana langsung tidak mengetahui apa itu *Leka main* sampi. Hal ini sudah pasti mereka akan mengategorinya sekadar sebagai memberikan maklumat yang tidak berapa memberikan kesan selain dari peraturan yang perlu dipatuhi sepanjang upacara ini dilaksanakan.

Seiring dengan arus pemodenan kini, sudah tentu banyak hiburan moden semakin diminati menyebabkan masyarakat Iban terutamanya para golongan muda akan memandang serong terhadap puisi Iban (Chemaline Osup, 2013). Kajian ini yang menyentuh sebagai salah satu puisi adat di mana amat sangat bertepatan ataupun bersesuaian pada zaman kini. Sementelahan, kajian ini akan memperlihatkan kepada beberapa kategori *Leka sampi* yang diwariskan oleh kaum Iban.

Puisi tradisional *Leka main* sampi ini pula berupaya untuk membentuk akhlak yang baik dan sifat budi pekerti yang tinggi dalam diri seseorang. Misalnya, kajian ini dilakukan adalah untuk meneroka dengan lebih mendalam berkenaan fungsi yang boleh membudayakan sesbuah kaum terutamanya masyarakat Iban. Tamsilnya, bukan untuk menginginkan untuk memahami dan mendengar setiap bait-bait *Leka sampi* yang diungkapkan ataupun dilafazkan hanya generasi tua sahaja yang minat untuk mendengar dan sudah tentu mereka memahami isi kandungan tersirat dalam

puisi sekaligus mematuhi adat dan peraturan yang telah ditetapkan.

Tambahan pula, dalam puisi Iban *Leka sampi* ini ada menggunakan gaya bahasa dalamnya namun digunakan secara tidak tersusun. Oleh sebab itu, ramai yang keliru dengan satu genre puisi dalam korpus tradisi lisan masyarakat Iban. Walaubagaimanapun, intipati yang dilafazkan puisi dalam kesusasteraan Iban amat beza sekali dengan puisi Melayu. Gaya bahasa sangat dititikberatkan dalam digunakan untuk menarik perhatian orang ramai yang mendengarnya. Justeru, gaya bahasanya pula adalah style yang membawa erti kepada beberapa perkataan disampaikan dalam bentuk berbeza untuk memantapkan lagi puisi yang dicipta (Indah, 2018).

Oleh itu, dalam penyelidikan ini nanti pasti akan menghadapi kekangan dari segi responden. Akhir sekali, masalah yang turut dialami pula adalah berkaitan dengan merakam suara kerana kebanyakan puisi Iban *Leka sampi* tidak boleh dimainkan sesuka hati kerana mengikut pandangan masyarakat Iban di sesetengah tempat puisi tersebut adalah wajib dibuat upacara spiritual baru boleh dilaksanakan.

### 1.3 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat dua persoalan yang dapat dibincangkan, iaitu:

1. Apakah unsur kajian biotik dalam puisi Iban Leka sampi: satu interaksi diantara manusia dan alam menggunakan teori ekologi?
2. Sejauhmanakah perspektif unsur alam teori ekologi melalui kajian biotik dalam puisi Iban Leka sampi: dikatakan satu interaksi di antara manusia dan alam?

### 1.4 Objektif Kajian

Terdapat dua objektif yang utama di dalam penyelidikan ini, iaitu :

1. Mengenalpasti apakah kajian biotik dalam puisi Iban *sampi enggau biau*: satu interaksi di antara manusia dan alam menggunakan teori ekologi.
2. Menganalisis perspektif unsur alam kajian biotik dalam puisi Iban *sampi enggau biau*: satu interaksi di antara manusia dan alam menggunakan teori ekologi.

## 1.5 Skop dan Batasan Kajian

Kajian yang dilakukan ini adalah tertumpu terhadap kajian terhadap sebuah buku yang dihasilkan oleh seorang penulis tempatan di Sarawak iaitu, Robert Menua Salleh dan disusun oleh Janang Anak Ensiring yang bertajuk *Sampi enggau Biau* telah diterbitakan oleh *The Tun Jugah Foundation* pada tahun 2016. Terlebih dahulu poengkajian telah melakukan kajian dengan membaca puisi Iban yang terdapat untuk tujuan mengenalpasti serta menganalisis teks yang banyak membincangkan kajian biotik melalui beberapa aspek seperti aspek unsur flora dan fauna bagi mengukuhkan lagi matlamat kajian yang akan dikaji. Oleh hal yang demikian, penulisan ini adalah bertujuan untuk menganalisis kajian biotik di dalam buku ini dengan melalui satu tinjauan teori iaitu Teori Ekologi dengan menggunakan pendekatan unsur alam flora dan fauna.

Seterusnya, teori yang telah digunakan oleh pengkajian di dalam menjalankan tinjauan serta penelitian di dalam penulisan ini adalah Teori Ekologi. Hal ini dikatakan bahawa ekologi merupakan sebuah teori yang mana akan mengkaji organisma hidup dengan alam sekeliling ataupun pada persekitarannya. Manakala, menurut Anwar Ridhwan (2013) pula beliau berpendapat bahawa alam semula jadi adalah sebenarnya bukan hanya berhubungan dengan manusia akan tetapi juga dengan organisma yang lain. Pendekatan dan prinsip Ekologi yang diterapkan di dalam kajian ini adalah sangat bertepatan dengan fokus terhadap kajian biotik dalam puisi Rakyat Iban Sampi enggau Biau karya Robert Menua Salleh serta telah disusun oleh Janang Anak Ensirig.

## 1.6 Kepentingan Kajian

### 1.6.1 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk memartabatkan lagi puisi tradisional dalam kalangan masyarakat Iban iaitu tidak kira benruk puisi apa sekalipun namun fokus kajian adalah puisi teks *leka sampi*. Hal ini demikian kerana, setiap daripada puisi ni adalah merupakan satu bentuk teks kesusasteraan pada masa ini untuk manakala jika dilihat pada penggunaanya masa dulu adalah untuk bersuka-ria kebiasaannya akan dimainkan apabila ada keramaian, bersuka ria dan untuk kegunaan upacara spiritual. Dalam pada itu, puisi Iban ini juga telah memberi impak yang besar kepada masyarakat Iban di Sarawak. Hal ini demikian kerana, puisi Iban ini bukan sekadar untuk kegunaan dalam bersuka-ria, malah dijadikan sebagai salah satu medium untuk menegur, tunjuk ajar, panduan dan peringatan terhadap masyarakat Iban yang masih percaya akan *pengarap lama* (Kepercayaan lama). Selain daripada itu, puisi ini juga berperanan sebagai menunjukkan kebijaksanaan para masyarakat Iban dalam yang mana telah menggunakan unsur alam iaitu biotik dalam penghasilan karya mereka. Seperti yang kita sedia tahu banyak mempraktikkan komponen biotik berdasarkan unsur alam flora dan juga fauna untuk menyerikan lagi bahasa di dalam penghasilan sebuah karya puisi.

Dalam konteks ini, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mendedahkan kepada semua masyarakat khususnya masyarakat Iban itu sendiri di dalam mengembangkan sesuatu puisi yang ada dalam masyarakat Iban. Puisi Iban ini telah mula diperkenalkan adalah sebelum perang dunia kedua lagi. Perkembangan puisi Iban ini telah berlaku mengikut peredaran zaman. Hal ini demikian kerana puisi Iban masih dihasilkan oleh penggiat

kesusasteraan Iban kerana mereka ingin mempertahankan puisi tradisional Iban agar tidak pupus ditelan zaman kerana pada masa ini masih kurangnya penghasilan puisi tradisional lagi-lagi puisi Iban amat jarang sekali. Oleh sebab itu juga, insiatif yang telah dilakukan adalah dengan membukukan puisi yang telah dihasilkan para pengarang dengan diterbitkan. Sebagai contohnya, Buku Puisi Iban *Sampi enggau Biau* oleh karya Dr. Robert Menua Salleh adalah dengan merekodkan serta mengumpulkan kesemua jenis puisi Iban yang ada di dalam buku beliau.

Sebagai kesimpulannya, setiap bangsa atau suku kaum pasti mempunyai bentuk kesusasteraan yang tersendiri. Jadi begitu juga dengan masyarakat Iban yang mempunyai pelbagai genre kesusasteraan selain daripada puisi Smapi Iban. Puisi Iban ini tergolong dalam banyak bentuk yang mana telah menggambarkan corak kehidupan serta nilai-nilai kehidupan masyarakat Iban. Keadaan sekeliling telah menimbulkan pelbagai corak pemikiran, ciri-ciri kebudayaan dan kepercayaan mereka sendiri. Puisi rakyat Iban ini amat menarik dengan diungkapnya secara indah dari segi bunyi, rentak, diksi, tekanan dan perulangan selain itu juga, turut menggunakan bahasa yang indah. Puisi Iban ini juga boleh dikatakan bahawa masyarakat Iban mempunyai korpus sastera yang pelbagai. Menurut Steinmayar (1999), beliau telah mengatakan bahawa pada masa lampau, *leka main sampi* dipersembahkan secara lisan. Manakala, kenyataan ini turut disokong Rubenstein (1973), beliau turut menyatakan bahawa sudah tidak ramai lagi para pemuisi yang mahir menzahirkan puisi rakyat Ibant ini. Sebagai contohnya, puisi Iban ini juga sering dimainkan dalam siaran radio, kaca televisyen dan juga surat khabar.

### **1.6.2 Definisi Konsep**

Definisi konsep adalah perkara yang signifikan di dalam dunia penulisan penyelidikan agar dapat memberikan keterangan yang jelas kepada khalayak. Dalam konteks ini, terdapat dua definisi konsep yang akan dipaparkan, iaitu :

### **1.6.3 Flora**

Flora adalah merupakan sejenis tumbuh-tumbuhan yang hidup dalam sesebuah persekitaran. Kepelbagaiannya jenis flora tumbuhan tidak kiralah daripada hutan semula jadi ataupun flora yang hidup meliar yang mempunyai maksudnya yang tersendiri dari sudut ekologi. Tambahan pula, flora dalam ekologi pula telah menyampaikan dua maksud yang mana membawa maksud buku ataupun sebuah karya yang mana akan memerihalkan sesuatu untuk tujuan pengenalpastian. Namun, titik fokusnya adalah pada flora dalam definisi yang ditakrifkan sebagai (bio) keseluruhan tumbuh-tumbuhan yang mana terdapat pada sesebuah daerah ataupun pada masa yang tertentu (Kamus Dewan Edisi Keempat,2016). Flora juga adalah sebuah kategorikan satu bentuk tumbuh-tumbuhan ataupun tanaman yang wujud di muka bumi ini. Sebagai contoh, dapat dilihat pada bunga mawar, cempaka dan sirih jadi itulah sebahagian contoh daripada alam flora.

### **1.6.4 Fauna**

Fauna adalah merujuk kepada haiwan ataupun segala binatang yang hidup liar di dalam lingkungan persekitaran ataupun bentuk habitat. Takrifan bagi fauna adalah merujuk terhadap hidupan seperti mamalia, ungas, serangga ataupun ikan. Tambahan pula, fauna dalam lingkungan ekologi

pula menyampaikan dua maksud yang mana membawa maksud sesebuah karya yang mana akan memerihalkan terhadap sesuatu bagi tujuan pengenalpastian. Namun, titik fokusnya adalah pada fauna dalam definisi yang ditakrifkan sebagai (bio) yang merangkumi seluruh binatang hidup di sesuatu daerah yang tertentu (Kamun Dewan Edisi Keempat,2016). Fauna ini memainkan peranan sebagai bio-indikator bagi menyatakan ekosistem hutan dalam keadaan baik. Sebagai contoh, dapat dilihat pada binatang burung, ayam, ikan jadi itulah sebahagian contoh daripada alam fauna.

#### **1.6.5 Teori Ekologi**

Menurut N.H.T. Siahaan (2004) di dalam buku karyanya iaitu Hukum Lingkungan dan Ekologi Pembangunan, yang mana Ekologi adalah merupakan cabang kepada ilmu pengetahuan yang mana ianya mengenai tentang hubungan organisma ataupun makhluk hidup dengan pengaruh sekelilingnya. Ruang lingkup ekologi merangkumi kepada individu atau organisma, populasi, komuniti, ekosistem dan juga biodiversiti. Organisma merupakan benda hidup ataupun makhluk yang hidup. Ekosistem pula merupakan hubungan sesama antara satu sama lain dengan makhluk hidup dengan persekitaran sekelilingnya baik makhluk hidup ataupun makhluk bukan hidup yang mana boleh membentuk sistem ekologi.

#### **1.6.6 Kesimpulan**

Kajian tentang puisi Iban ini adalah untuk mengkaji serta analisis tentang keunikkan yang terdapat di dalam puisi Iban. Hal ini juga disebabkan, atas dorongan beberapa faktor tertentu untuk mengetahui lebih mendalam bagaimana puisi Iban ini dikaitan alam dan manusia . Sebagai

tamsilannya. Puisi Iban ini telah banyak menggunakan unsur alam seperti flora dan juga fauna amat berkait rapat dengan manusia. Komponen flora dan fauna tersebut turut memaparkan bagaimana kebijaksaan masyarakat Iban pada masa dulu dalam mengaitkan persekitaran dalam kehidupan sehari-hari mereka. Selain itu juga, ingin menerokai budaya tradisi dalam masyarakat Iban dengan menelitiinya dengan lebih mendalam. Hal ini demikian kerana, agar membantu generasi muda mereka mahupun masyarakat luar untuk mengenali dan memahami budaya tradisi dalam kehidupan masyarakat Iban.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.7 METODOLOGI KAJIAN

### 1.7.1 KAEADAH KAJIAN

Pada bahagian metodologi pula adalah sebuah kaedah dan teknik-teknik mereka bentuk, mengumpul serta menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kejadian. Metodologi kajian juga, akan menerangkan bahawa cara sesuatu analisis yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah serta teknik tertentu yang digunakan. Metodologi kajian juga bertujuan untuk memastikan objektif kajian dapat dicapai berdasarkan kaedah yang dipilih secara sahih dan dipercayai. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dimana ada bahagian kaedah kajian, penulis telah menggunakan kajian teks, kaedah kepustakaan dan juga membuat rujukan melalui internet untuk penambahan maklumat serta panduan.

#### A) KAJIAN TEKS (*NARRATIVE ANALYSIS*)

Narrative analysis dikenali sebagai analisis terhadap sesebuah cerita dan pengkaji penulisan ini dijalankan melalui pengkaji yang memfokuskan penelitian terhadap teks novel yang terkandung di dalam buku puisi Iban *Sampi enggau Biau* yang dipilih ini kerana berdasarkan penelitian yang telah dilakukan dimana terdapat unsur ekologi yang terdapat di dalam puisi Iban tersebut serta aspek biotik yang pelbagai sangat membantu pengkaji untuk menyelesaikan kajian ini. Pengkaji juga menganalisis kajian melalui bacaan dengan memahami unsur ekologi serta kajian yang terkandung di dalam puisi Iban berkenaan bagi mendapatkan topik-topik yang ingin dikupas dan dijadikan sebagai bahan persoalan sebagai bahan membuat sebuah penulisan.

## B) KAJIAN KEPUSTAKAAN


Kaedah ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan, rujukan teks dan juga penyelidikan laman web. Kepustakaan merupakan satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam menyiapkan kajian dan mendapatkan data melalui dokumen dan bahan-bahan yang terdapat di dalam perpustakaan. Pengkaji telah berkunjung ke Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk mendapatkan beberapa maklumat berkaitan tajuk. Selain mencari maklumat berkaitan biotik, pengkaji juga banyak mencari maklumat tambahan berkaitan teori sastera iaitu teori ekologi yang telah diterapkan di dalam kajian ini.

## C) RUJUKAN SUMBER INTERNET

Bagi menyiapkan kajian yang dibuat, pengkaji juga telah membuat rujukan sumber internet dengan melayari laman sesawang seperti jurnal dan artikel yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat yang saling berhubung kait seperti bahan kajian lepas yang berkaitan teori yang digunakan serta kajian lepas berkaitan puisi Iban Leka *Sampi enggau Biau* secara di atas talian bagi memperkuatkan maklumat dan pandangan yang dinyatakan di dalam kajian. Laman web pada masa kini adalah sangat membantu pelajar dalam membuat kajian kerana maklumat dan pandangan akan diterokai dan juga mudah untuk membuat perbandingan sumber-sumber yang bernas di sesebuah portal rasmi.

## (D) KERANGKA TEORI

Kerangka teori adalah merupakan asas kepada sesuatu kajian daripada pemerhatian dan pembacaan karya penyelidik dapat menyungkil semua faktor-faktor yang berkaitan dengan sesuatu masalah. Melalui kerangka teori juga, penyelidik dapat mengintergrasi faktorfaktor ini secara logical supaya mempunyai asas saintifik untuk menjalani sesuatu penyelidikan.



Rajah 2: Kerangka Teori Ekologi

## 1.7 Organisasi Kajian

Kajian ini mempunyai lima bab utama iaitu dari bab 1 sehingga bab 5. Projek Penyelidikan I akan menumpukan tiga bab sahaja dan dua bab lagi akan diteruskan dalam Projek Penyelidikan II. Organisasi kajian ini bertujuan untuk memudahkan kajian dijalankan dengan berkesan dan jayanya.

Pada bahagian Bab 1 adalah akan menerangkan pengenalan bagi kajian yang ingin dilaksanakan dalam Projek Penyelidikan I. Dalam bab satu ini, pula terdapat beberapa aspek penting yang tertumpu kepada pernyataan umum berkaitan kajian seperti menerangkan berkaitan definisi kajian dan pendapat para tokoh sarjana permasalahan kajian yang membincangkan topik-topik yang ingin diketengahkan di dalam kajian. Selain daripada itu, objektif kajian juga merupakan aspek yang penting dalam mengenalpasti dan menganalisis data yang ingin dikaji dengan memberikan satu matlamat utama kepada kajian ini. Skop kajian dan batasan kajian pula menerangkan novel yang ingin dikaji serta pengenalan sedikit akan tahun terbitan dan penulis bagi novel yang dikaji. Selain itu, batasan kajian juga memberikan penjelasan akan teori sastera serta pendekatan teori yang digunakan di dalam kajian. Kepentingan kajian pula, bertujuan untuk memperincikan mengapakah kajian ini penting untuk dijalankan diikuti dengan metodologi kajian yang berfungsi sebagai kaedah kajian dalam mencari maklumat berkaitan tajuk pengkaji. Akhir sekali, organisasi kajian pula menerangkan perjalanan projek mengenai bab-bab tertentu yang menjadi garis panduan pengkaji.

Pada bab 2 pula, penulisan kajian ini akan menyenaraikan berkaitan kajian-kajian lepas yang telah dihasilkan oleh para pengkaji terdahulu. Kajian-kajian lepas ini tidak tertumpu kepada kajian berkaitan buku puisi Iban *Sampi enggau Biau* sahaja, sorotan kajian juga dapat dikaji melalui kajian yang dijalankan oleh penulis yang lain tetapi masih ditulis oleh penulis yang sama ditambah dengan kajian-kajian lepas berkaitan teori sastera yang digunakan oleh pengkaji melalui jurnal atau artikel.

Seterusnya, bab 3 akan menerangkan berkaitan pemahaman pengkaji akan definisi teori dan pendekatan yang diaplikasikan di dalam kajian ini. Penggunaan teori sastera amatlah penting bagi sesetengah penulisan ilmiah supaya pengkaji dapat menjelaskan analisis dengan lebih terperinci dan berkesan. Sebuah pernyataan akan disertakan dengan sokongan atau pendapat daripada tokoh-tokoh sarjana sastera yang telah menceburi bidang penulisan sastera sejak dulu lagi terutama sekali tokoh-tokoh yang banyak memberi maklumat berkaitan teori yang pengkaji gunakan.

Bab 4 pula, merupakan penulisan akan analisis-analisis yang diperolehi daripada puisi Iban *Sampi enggau Biau* yang dibaca dimana pembaca atau pengkaji akan menjelaskan petikan yang mereka perolehi berlandaskan teori yang digunakan. Dalam kajian ini, isi-isi penting akan diambil kira melalui 22 pembacaan buku dan ianya haruslah saling berhubungkait agar objektif kajian pengkaji tercapai. Oleh itu, pengkaji hendaklah sentiasa mendapatkan nasihat daripada pensyarah agar tugasannya bertepatan dengan kriteria yang lebih tepat.

Bab 5 adalah merupakan bab yang terakhir dan akan dimasukkan ke dalam kajian pengkaji apabila selesainya pencarian analisis-analisis berkaitan kajian biotik melalui unsur flora dan fauna yang terdapat di dalam novel. Bab ini juga merupakan bab yang terakhir bagi Projek Penyelidikan II dengan menyimpulkan secara ringkas tetapi padat akan kehidupan sesetengah masyarakat di dalam buku tersebut. Dalam bahagian rumusan atau kesimpulan pengkaji juga akan meletakkan cadangan dan harapan serta sebuah edukasi dalam menambahkan ilmu pengetahuan bagi mereka yang membaca novel ini.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.0 Pendahuluan

Tujuan kajian lepas dilakukan adalah untuk meneliti dan juga untuk meninjau pada bahawa awal terhadap penyelidikan kajian yang bakal dilaksanakan. Dalam konteks ini, kajian lepas ini merupakan sebuah cerita yang berbentuk ilmiah terhadap permasalahan penyelidikan tertentu yang dibuat oleh para sarjana yang lain. Selain daripada itu, tinjauan kajian lepas ini juga turut dijadikan sebagai panduan kepada para pengkaji di dalam kerangka sesebuah teori yang akan digunakan dalam kajian tertentu. Seterusnya, kajian lepas ini sekaligus akan memaparkan tentang definisi, kata kunci dan terminologi serta menentukan kajian berdasarkan topik yang dipilih.

#### 2.1 Kajian Lepas mengenali Unsur Alam dalam hasil pengkaryaan

##### 2.1.1 Thesis Peringkat Sarjana Muda

Melalui kajian unsur alam di dalam teks oleh Nor Ilani Awang Omar(2010) kajiannya yang bertajuk “Unsur Alam dalam pantun Melayu” yang mana memfokuskan terhadap unsur fauna dan kosmologi. Pada artikel kali ini, pengkaji telah mempratikkan dalam rekabentuk kajian kualitatif bila mana melibatkan dua keadah berbentuk kepermukaan dan mengkaji teks. Hasil dapatan kajian adalah untuk menganalisis kepada unsur-unsur alam yang telah terkandung di dalam pantun Melayu.

Seterusnya, kajian yang telah dilakukan oleh Zaitun Hasan pada tahun 2015 tajuk kajiannya “ Manifestasi Citra Alam dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu penelitian firasat Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpastri serta menganalisis tahap penggunaan unsur

alam yang terdapat di dalam novel Osman Ayob dengan meneliti melalui pendekatan Firasat Melayu. Jelaslah kajian ini dapat menyatakan bahawa kepengarangan Osman Ayob yang mempratikkan unsur alam sebagai tunjang utama dalam penghasilan karyanya.

## 2.2 Kajian Lepas Mengenai Teori Ekologi

### 2.2.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah

Berdasarkan kepada tinjauan-tinjauan kajian lepas yang mana ada menyentuh kepada unsur alam dalam menghasilkan karya sastera telah banyak membuktikan bahawa unsur alam dalam menghasilkan karya sastera namun juga melibatkan kepada Teori Ekologi. Melalui tinjau kajian lepas oleh Maharam Mamat(2015), yang mencetuskan kepada “Alam Sekitar dalam novel-novel penulisan Sarawak: Analisis Kritikan Eko”. Objektif kajian ini, bagi menganalisis tentang persaingan di antara spesis dalam novel, mengkaji punca sesuatu yang menyebabkan kemerosotan kualitas persekitaran dalam karya, mengkaji terhadap kesan terhadap unsur alam dan menganalisi kepada keindahan gaya bahasanya dalam memaparkan faktor alam novel Sarawak ini dipilih. Hal ini demikian kerana, melalui kepada dapatan analisis kajian mendapati bahawa pengarang cenderung untuk mengangkat terhadap elemen alam agar dapat menyampaikan kesedaran kepada pembaca tentang pentingnya alam sekitar supaya dapat memberikan cerminan kesan dan impak terhadap lingkungannya.

Selain itu juga, melalui dengan kajian yang telah dihasilkan oleh Kasmaizun Euni Mohd Sarji(2018) yang mengupas kepada “ Unsur alam dalam kumpulan cerpen Siti Zainon Ismail”. kajian ini telah memfokuskan

kepada unsur alam yang terdapat di dalam cerpen pilihan Zainon Ismail yang mengkaji kepada kewujudan unsur alam dengan memperlihatkan kepada pengaruhnya dalam ungkapannya. Objektif kajian ini agar dapat memperolehi dapatan kajian menggunakan konsepsi pengkarya terhadap alam yang meliputi faktornya seperti latar belakang keluarga, pendidikan, pekerjaan, minat, pengalaman dan juga pengembaraan. Oleh itu, perbezaan ketara melalui aspek teori yang telah dipraktikkan oleh pengkaji dengan menggunakan teori ekologi berbanding dengan penghasilan journal ini melalui teori konseptual kata kunci.

Selain itu, Hu Ann Leh (2016) mengatakan tentang Jong Chian Lai adalah seorang pengarang di Sarawak yang banyak membangkitkan isu alam sekitar khasnya dalam perspektif keadilan ekologi. Dalam pada itu, telah wujud satu hubungan yang kukuh di antara ekologi dengan kepercayaan masyarakat setempat. Hal ini disebabkan oleh alam sekitar yang mempengaruhi tingkah laku manusia. Kaedah kajian yang telah digunakan beliau dalam menyiapkan tesis ijazah kedoktoran adalah menggunakan teori keadilan ekologi yang diasaskan oleh Brian Baxter. Dalam konteks ini, dapatan kajian yang didapati adalah bagi memupuk kesedaran dan sikap prihatin orang Iban terhadap isu alam sekitar.

Di samping itu juga, dalam puisi Iban ini masih belum ada penyelidikan yang terperinci menggunakan teori ekologi. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor yang tertentu. Buat masa sekarang, hanya Dr. Hu Ann Leh yang telah mengaplikasikan teori tersebut di dalam kehidupan masyarakat Iban. Selain daripada itu, pantun Iban ini juga tidak terkenal serta semakin diabaikan oleh masyarakat Iban itu sendiri. Jadi kajian yang dilaksanakan adalah sangat terhad. Tetapi jika kita lihat dari

sudut sastera itu sendiri, pantun Iban ini sebenarnya sangat unik dan berbeza daripada pantun-pantun yang lain.

Tambahan pula, tinjauan lepas yang telah dilakukan oleh Permanarian Somad (2013), kajian inin adalah bertajuk “Teori Ekologi sebagai dasar pengembangan keterampilan komunikasi Siswa Tunarungu Usia Pra-Sekolah”. Objektif kajian ini adalah untuk membahaskan dalam menganalisi tentang pengertian ketunarungan, keterampilan komunikasi, teori ekologi dan keluarga sebagai ekologi perkembangan bahasa dan bicara. Oleh itu jelas memperlihatkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji melalui penelitian unsur alam di dalam novel dengan menganalisisnya menggunakan ekologi sebagai dasar yang penting di dalam memperolehi hasil kajian.

Seterusnya, dapat kita lihat melalui kajian oleh Nurul Aminah Basharuddin dan Hasnah Mohamad(2014), tidak memperlihatkan kepada hubungkait di antara unsur flora dan unsur fauna namun sebaliknya melihat kepada unsur pelambangan unsur flora dan fauna. Oleh itu, dapat dikaji bahawa unsur flora dan fauna yang dipaparkan untuk menunjukkan bahawa masyarakat Melayu hidup bersama unsur alam. Jelaslah bahawa, sifat dan nilai unsur ini telah mempengaruhi kehidupan sehari-hari mereka. Tegasnya, apabila menyentuh kepada hubungan, masyarakat bahawa unsur alam seperti flora dan fauna sememangnya tidak dapat dipisahkan kerana apa yang dilihat pada sekelilingnya dengan mengadaptasikan diri mereka dengan alam sekeliling.

## 2.3 Kajian Lepas Mengenai Puisi Iban

### 2.3.1 Tesis Ijazah Doktor Falsafah

Melalui Dr. Chemaline Anak Osup (2006) mengatakan tentang puisi rakyat Iban ini adalah mempunyai bentuk dan fungsi yang tersendiri. Dalam pada itu, seperti yang digambarkan dalam tesis beliau semasa peringkat PHD di Universiti Sains Malaysia telah mengkaji tentang ‘Leka Main : Puisi Rakyat Iban - Satu Analisis Tentang Bentuk Dan Fungsi’. Di mana tesis tersebut merupakan usaha bagi menganalisis puisi rakyat Iban. Dalam konteks ini, kajian beliau mempunyai dua objektif utama, iaitu : pertama, untuk mengkaji tentang bentuk, stail dan struktur leka main (puisi rakyat Iban). Kedua, menganalisis kegunaannya dalam masyarakat Iban dan dikategorikannya mengikut fungsi-fungsi yang berlainan. Kaedah kajian yang digunakan oleh beliau adalah dengan menekankan idea dan pendapat fungsionalis di dalam sosiologi kesusastraan yang mementingkan aspek sosio-budaya sastera. Sehubungan dengan itu, idea fungsionalis ini terbahagi kepada tiga fungsi utama, iaitu: pertama, puisi rakyat yang menyumbangkan dalam perspektif kestabilan sosial dan emosi. Seterusnya, puisi masyarakat Iban yang berfungsi di dalam adat dan budaya orang Iban. ketiga, puisi rakyat Iban yang membentuk sebahagian daripada sistem kepercayaan.

Seterusnya, melalui kajian Harun Daud(2001), beliau telah mengkaji kedudukan *sampi* suku kaum Iban ini adalah sebagai bentuk puisi tradisional hal ini memiliki puisi yang berirama. Objektif kajiannya adalah ingin mengkaji tentang unsur *sampi* ini mempunyai unsur magis yang ada berhubungkait dengan kepercayaan lama masyarakat Iban. Oleh itu jelaslah, melalui kajiannya mendapati bahawa *sampi* dipercayai, diyakini dan diamalkan

dengan amat peka dan menjelaskan tujuan puisi sampi ini digunakan secara baik.

Melalui kajian Sandai(2010), kajiannya metafora di dalam puisi *Sanggai* yang ini merupakan puisi yang akan didendangkan untuk menghiburkan serta untuk mengalu-alukan para tertamu. Hal ini demikian kerana, dengan kajian ini puisi Iban dalam bentuk Sanggai begitu menekankan kepada keharmonian serta keindahan ungkapannya. Oleh itu, melalui kajian ini jelas menunjukkan metafora yang diaplikasikan adalah untuk mengkaji serta menganalisi dalam bentuk kiasaan perumpam, pepatah ataupun teladan yang digunakan untuk menasihat, menyindir, paduan kerpaada masyarakat. Oleh itu, begitu nampak perbezaannya dengan kajian bentuk puisi sampi yang mana menekankan kepada struktur dalam setiap bahagian intipatinya yang tersirat.

### 2.3.2 Artikel Jurnal

Selain daripada itu, tahap pengajaran dan pembelajaran “leka main” atau dikenali sebagai puisi tradisional ini telah dikaji oleh Dr. Chemaline Anak Osup (2013). Beliau turut mengatakan puisi rakyat Iban dapat membentuk insan yang seimbang dari yang seimbang dari segi sosial, rohani dan intelek. Oleh itu, kajian ini adalah merupakan salah satu kajian yang sangat penting dalam memupuk nilai kesukaan pelajar di dalam pantun Iban secara khasnya.

Tambahan pula, dapat dilihat melalui penganalisaan terhadap dengan mengaplikasikan teori ekologi dalam kajian ini. Melalui Ira Rahayu dan Dian Permana Putri(2015), jurnalnya yang berjudul “Kajian Sastra Ekologi(Ekokritik) terhadap Novel sebuah wilayah yang tidak ada di Google

*Earth* Karya Pandu Hamzah. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis serta mengkaji terhadap bentuk pandangan ekologi pada novel ini. Oleh hal yang demikian maka dapatan kajian imi telah mendapat banyak menonjolkan kepada tema yang berkait dengan pelestarian lingkungan dengan menonjolkan kepada usaha menolak terhadap kegiatan eksploitasi.

### 2.3.3 Buku

Buku Puisi Iban yang dikarang oleh DR. Robert Menua Saleh (2015) turut memaparkan koleksi pantun Iban yang ada di Sarawak. Di dalam buku tersebut terdapat banyak jenis pantun Iban seperti pantun pujian, pantun nasihat, pantun berpisah, pantun jenaka dan banyak lagi. Dalam konteks ini, tujuan buku pantun Iban itu dihasilkan adalah untuk dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat pada masa kini.

Selain itu, melalui buku Kamus Sains dan Teknologi(2008), yang telah mendefinisikan bahawa biotik merupakan satu bentuk organisma kehidupan yang mana saling berhubungkait dengan manusia. Melalui, buku kamus ini juga telah memperlihatkan kepada khalayak bahawa berkait dengan definisi biotiknya iaitu telah terbahagi kepada dua unsur flora dan unsur fauna di dalam lingkungannya.

## 2.4 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bab ini telah menghuraikan tentang kajian-kajian lepas yang telah dilakukan secara ekstensif oleh penyelidik terdahulu. Oleh itu, sorotan kajian yang dilakukan hanya membataskan terhadap topik kajian

sahaja. Hal ini demikian kerana, bahagian kajian ini tidaklah memfokuskan kepada teori ekologi melalui aspek biotik sahaja yang mana merangkumi kepada dua unsur iaitu unsur flora dan juga fauna. Oleh hal yang sedikian, berdasarkan kepada sorotan kajian yang diperoleh, maka jelaslah membuktikan bahawa terdapat pelbagai aspek yg telah dikaji oleh para sarjana sebelum ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### DEFINISI TEORI ATAU PENDEKATAN

#### 3.0 Pengenalan

Teori atau pendekatan bermaksud satu pandangan yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh tertentu yang ingin memberitahu atau menerangkan sesuatu perkara. Teori ini juga menjadi asas untuk perkembangan sesuatu ilmu atau perkara. Hal ini dikatakan demikian kerana teori atau pendekatan yang dikemukakan menjadi panduan yang tepat dan tetap untuk menjadikan sesuatu kajian itu lengkap serta berdasarkan teori yang tepat. Oleh hal demikian, penggunaan teori atau pendekatan adalah sangat tepat dan penting dalam sesuatu kajian.

#### 3.1 Teori Ekologi

Apa yang dimaksudkan dengan ekologi? Ekologi ini merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Yunani iaitu menunjukkan “Oikos” yang mentakrifkan makna habitat manakala “logos” ini pula menyatakan sebuah ilmu. Oleh itu, ekologi ini dianggap sebagai satu bidang ilmu yang mana akan mempelajari tentang hubungan di antara organisme dengan persekitarannya yang lain. Istilah ekologi ini telah berkembang sebelum masih lagi. Selain itu juga, Ernst Haeckel(1866) telah menyatakan bahawa pendefinisan ekologi sebagai satu bentuk badan pengetahuan iaitu dengan melakukan penyelidikan hubungan di antara haiwan termasuk organik atau bukan organik persekitaran sama ada yang baik ataupun sebaliknya. Menurut G.Tyler Miller(1975) menyatakan bahawa ekologi ini merupakan kajian mengenai tentang belakunya interaksi di antara organisme dengan organisme di sekeliling dan juga persekitarannya. Manakala, ekologi juga ditakrifkan sebagai menurut EP

Odium(1963) adalah satu kajian yang berkenaan dengan jenis struktur ataupun fungsinya kepada alam sekeliling.

### **3.2 Sejarah Teori Ekologi**

Ernst Haeckel yang merupakan pakar biologi Jerman yang telah memperkenalkan istilah ekologi pada tahun 1869. pengetahuan, sampai saat ini ekologi telah didefinisikan sebagai ilmu yang mempelajari hubungan timbal balik antara organisme dengan organisme lainnya atau mempelajari hubungan timbal balik antara kelompok organisme dengan lingkungannya. Berdasarkan penelusuran terhadap beberapa tulisan karya ilmiah dari para ahli, dapat pula disimpulkan bahawa ekologi lebih dikenal sebagai cabang ilmu pengetahuan yang mempelajari tentang struktur dan fungsi dari komponen-komponen ekosistem alami.

### **3.3 Ciri-ciri Teori Ekologi**

Setiap teori yang digagaskan oleh seorang tokoh yang berpengalaman tinggi yang memiliki ada yang berciri-cirikan utama menyebabkan sesebuah karyanya begitu dikenali sebagai satu teori yang berkesan. Ciri-ciri bermaksud satu unsur ataupun tanda yang telah memberikan satu kelebihan dalam membezakan sesuatu perkara. Sama juga dengan teori ekologi yang telah digagaskan oleh Ernst Haeckel pada tahun 1869. Melalui teori ekologi yang terdapat pada ciri-ciri yang boleh menjadi rujukan dan panduan tetap dalam kajian ini. Berikut merupakan satu prinsip yang digunakan sebagai pendekatan bagi memperkembang serta memperkuuhkan lagi terhadap kajian yang berkaitan dengan sesebuah teks tersebut.

### 3.4 Penutup

Sebagai kesimpulannya, dari segi penggunaan teori ekologi ini dengan melalui pendekatan biotik merupakan sebuah kajian yang dilakukan dengan melengkapi serta bersesuai dengan ketepatan objektif kajian yang telah ditetapkan. Selain itu juga, teori yang telah dikemukakan juga banyak dipaparkan ataupun digunakan dalam pengaplikasian oleh tokoh-tokoh terutamanya di dalam penghasilan sebuah karya sastera. Teori ekologi yang mana telah digagaskan oleh Ernst Haeckel yang merupakan pakar biologi Jerman yang telah memperkenalkan istilah ekologi pada tahun 1869 yang mana telah lama dikemukakan kerana ia untuk memperincikan berkenaan dengan keunikkan serta kebijaksanaan yang ada di dalam penghasilan sebuah karya menunjukan perkaitannya antara satu sama lain yang mana telah mewujudkan satu interaksi budaya di antara masyarakat Iban dengan alam sekitar serta turut berlaku pengaplikasian teori ekologi dalam puisi Leka Sampi masyarakat Iban. Selain daripada itu, memaparkan kebijaksanaan mereka dalam menggunakan kompenen kosmologi flora di dalam kehidupan seharian kaum Iban di Sarawak.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Dalam bab ini, yang mana pengkaji akan mengulas pada bahagian analisis yang dijalankan dengan menjurus kepada dua objektif kajian. Hal ini demikian kerana, kajian ini merangkumi dua objektif iaitu yang pertama adalah untuk mengenal pasti apakah unsur-unsur kajian biotik satu interaksi di antara manusia dan alam melalui penelitian teori ekologi yang terdapat di dalam buku puisi rakyat Iban “*sampi enggau biau*” karya Dr. Robert Menua Salleh dan disusun oleh Janang Anak Ensiring. Manakala, objektif yang keduanya pula, dimana pengkaji akan menganalisis perspektif unsur alam kajian biotik satu interaksi di antara manusia dan alam melalui penelitian teori ekologi yang terdapat di dalam buku puisi rakyat Iban “*sampi enggau biau*” karya oleh Dr. Robert Menua Salleh dan disusun Janang Anak Ensiring.

Seterusnya, pada bahagian permulaan pula terlebih dahulu pengkaji akan mentarifkan atau definisikan berkaitan dengan “alam” atau dalam erti kata yang lain yang mana dapat dirujuk kepada sesuatu yang mudah difahami iaitu “alam sekitar”. Justeru itu, dalam bahagian ini pula akan diurutti sekali dengan takrifan menyampaikan pendekatan “Teori Ekologi” yang mana akan memberikan pendedahan sedikit sebelum beralih kepada bahagian perbincangan berdasarkan objektif kajian yang akan dikupas kemudiannya.

Selain itu, apabila mencapai dalam bahagian pertengahan bab bila mana pengkaji akan menyelidik sehingga akar umbi berdasarkan penelitian unsur-unsur alam yang terdapat di dalam puisi rakyat Iban “*sampi enggau biau*” karya oleh Dr. Robert Menua Salleh dan disusun Janang Anak Ensiring.

Di samping itu juga, beralih kepada bila mana pengkaji akan mengupas berkenaan dengan maksud tersirat di dalam buku puisi rakyat Iban terhadap unsur-unsur alam yang ada terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban dengan mengaplikasikan dalam prinsip kajian biotik melalui teori ekologi.

Tambahan pula, pada pengakhiran bab ini, di sini pengkaji akan bertindak merumuskan serta menyimpulkan secara menyeluruh dalam berjaya menghasilkan perbincangan analisis kajian teks berdasarkan penyelidikan yang dilakukan.

#### **4.1 Takrifan Konsep Alam**

Alam ditakrifkan sebagai sesuatu yang berada di atas langit dan juga di bumi seperti bintang-bintang, gunung- ganang atau sebagainya yang berkaitan dengan apa sahaja bentuk alam ( Kamus Dewan Edisi Keempat,2016). Seterusnya, menurut alam ini juga dapat ditakrifkan suatu bentuk alam jumantara yang merangkumi segala bintang-bintang dalam bima sakti, sistem suria, bintang-bintang galaksi serta apa jua yang berada di dalam lingkungannya. Alam dan manusia adalah merupakan suatu yang saling bergantung dan amat memerlukan di antara satu sama yang lain. Oleh itu, alam sekitar dapat dirumuskan kepada dalam lingkungan kehidupan setiap manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap lingkungan yang dihuraikan akan memainkan suatu peranan yang penting di dalam menyampaikan interaksi di antara satu sama yang lain. Menurut Mohd Zuhdi Marsuku (2002), beliau mengatakan walaubagaimanapun, alam tetap akan membawa kepada suatu fenomena yang berlaku tidak kira samaada fizikal biotik ataupun abiotik yang mana berada sebuah lingkungan kehidupan. Alam sekitar semulajadi adalah menegaskan kepada sesuatu unsur yang hidup (Biotik) iaitu dapat merujuk kepada bahan tumbuhan dan haiwan atau benda-benda yang bukan hidup (abiotik) yang mana telah merujuk kepada sungai, lautan, gunung-ganang atau sebagainya. Alam merupakan sebuah sumber

yang sering dijadikan oleh manusia untuk mereka menghasilkan mana-mana karya tidak kiralah dari segi karya atau sebagainya dan titik fokus karya di sini adalah pada puisi rakyat Iban “sampi enggau biau” karya oleh Dr. Robert Menua Salleh dan disusun oleh Janang Anak Ensiring.

Ekologi merupakan sebuah teori yang mana akan mengkaji organisma hidup dengan alam sekeliling ataupun pada persekitarannya. Seterusnya, perkataan bagi ‘ekologi’ merupakan sebuah cabang yang menekankan kepada bagaimana di antara hubungan organisma mahapun mahluk hidup yang mempengaruhi pada sekelilingannya hal ini telah ditegaskan oleh N.H.T. Siahaan (2004) di dalam karyanya yang bertajuk Hukum Lingkungan dan Ekologi Pembangunan. Odun pula menyatakan bahawa ekologi ini adalah sebagai sebuah disiplin ilmu yang mana akan mengkaji organisma ataupun kelompok organisma.

Teori ekologi ini akan digunakan di dalam menjalankan kajian yang mana untuk mengenal pasti kajian biotik sebagai satu interaksi di antara manusia dan alam yang terdapat di dalam puisi rakyat Iban “sampi enggau biau”. Menurut Anwar Ridhwan(2013), menyatakan bahawa alam semula jadi tidak hanya berhubung dengan manusia akan tetapi juga berhubung dengan organisma yang lain. Tegas Howarth (1996), beliau menyatakan bahawa *ecology describes the relations between nature and culture.*

Oleh itu, dalam kajian ini akan fokuskan terhadap kritikan eko yang mana melibatkan kepada dua prinsip iaitu ekologi dan juga etika. Hal ini dapat dikatakan, melalui kritikan eko ini di mana akan mengkaji hubungan yang rapat di antara manusia ataupun pada alam sekeliling. Apabila adanya pendekatan ini digunakan di dalam alam penulisan karya. Maka, kritikan ini juga akan menekankan yang mana akan mengkritik dan mengkaji hubungan antara karya sastera dan persekitaran fizikal. Melalui kritikan eko ini dapat kita eksplorasi secara meluas tentang apa sahaja

bentuk ataupun gambaran yang ada memaparkan mengenai interaksi manusia dan alam (Grey Garrad, 2004).

#### **4.2 Unsur-Unsur Biotik (Flora) Yang Terkandung Di Dalam Puisi Iban “Sampi Enggau Biau”**

Dalam penulisan karya yang begitu gemar menjadikan alam sebagai satu unsur alam untuk menghiaskan pengkaryaan. Oleh itu, unsur alam begitu penting untuk dijadikan dalam sebahagian sastera. Hal ini jelas terbukti apabila ramas pengkarya menggunakan diki hutan dan sebagainya di dalam karya mereka. Menurut Hazura (2007), beliau mengatakan bahawa semua benda yang terdapat disekeliling manusia turut dikira merujuk kepada lingkungan alam.

Pengkarya telah mengaplikasikan unsur alam adalah untuk menunjukkan bagaimana karyanya berinteraksi ataupun berlakunya tindak balas dalam mentafsir mengenai alam. Pentafsiran yang dimaksudkan adalah melakukannya dari sudut sifat, bentuk ataupun peranan mendukungi sesebuah karya tersebut. Selain itu juga, akan adanya pemerhatian terhadap alam untuk merungkai satu makna besar yang menjadikan titik fokus dalam kehidupan.

Oleh hal itu, masyarakat begitu gemar untuk meneroka kepada alam dan terokaannya itu bukansatu bentuk yang mensia-siakan kerana hal ini akan memberikan teladan di dalam kehidupan seharian. Tegas Shahnoon Ahmad lagi, beliau menyatakan bahawa unsur-unsur alam ataupun atupun biotik yang terdapat di dalam pengkaryaan itu adalah untuk mempelbagaikan bahasa ataupun untuk mendukungi sesuatau yang memberikan manfaat agar membuat persepsi yang baik terhadap dirinya.

#### 4.2.1 Alam Flora

Flora adalah merupakan tumbuh-tumbuhan yang hidup dalam sesebuah persekitaran. Kepelbagaiannya jenis flora tumbuhan tidak kira lah daripada hutan semula jadi ataupun flora yang hidup meliar yang mempunyai maksudnya yang tersendiri dari sudut ekologi. Tambahan pula, flora dalam ekologi pula telah menyampaikan dua maksud yang mana membawa maksud buku ataupun sebuah karya yang mana akan memerihalkan sesuatu untuk tujuan pengenalpastian. Namun, titik fokusnya adalah pada flora dalam definisi yang ditakrifkan sebagai (bio) keseluruhan tumbuh-tumbuhan yang mana terdapat pada sesebuah daerah ataupun pada masa yang tertentu (Kamus Dewan Edisi Keempat,2016). Flora juga adalah sebuah kategorikan satu bentuk tumbuh-tumbuhan ataupun tanaman yang wujud di muka bumi ini. Sebagai contoh, dapat dilihat pada bunga mawar, cempaka dan sirih jadi itulah sebahagian contoh daripada alam flora. Oleh itu, untuk mengetahui lebih mendalam flora yang hidup yang mana masih belum diterekoi dari segi ekologinya.

Dalam kajian buku puisi rakyat Iban “sampi enggau biau” karya Dr. Robert Menua Salleh (2016) , terdapat beberapa unsur biotik dai segi flora yang diterapkan dalam pengkaryaannya. Tumbuh-tumbuhan flora ini memperlihatkan interaksi yang begitu erat di antara kehidupan manusia dengan alam. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat Iban yang banyak meneladani dan mengambil unsur-unsur flora di dalam mengekspresikan luahan perasaan mereka. Untuk memberikan pemahaman yang mendalam unsur flora ini memainkan peranan besar di mana para pengkarya menggunakan tumbuhan sebagai simbolik untuk meluahkan apa yang terbuku dihati. Menurut Zaitun Hassan(2015), beliau menyatakan

bahawa sememangnya sejak dari dulu lagi, penggunaan unsur flora ini dijadikan satu lumrah kepada pengkarya hingga sekarang. Sebagai contoh, di dalam karya puisi rakyat Iban “sampi enggau biau” yang dikaryakan oleh Dr. Robert Menua Salleh mengandungi beberapa unsur flora yang dapat diberikan contoh **petikan rangkap 1** pada di bawah:

**Petikan Rangkap 1:**

....Aku ke madah aku ke nelah,  
(*Saya menyeru, saya memadah*),  
Semua kita' Bunsu Piring Bunsu Anding,  
(*Kepada semua dewa-dewi atau spirit yang baik*)  
Bunsu Penganan Bunsu santan,  
(*Kepada semua dewa-dewi atau spirit yang baik*)  
Laban kami tu' bisi' kachau bisi' bilau,  
(*Sebab kami mengalami keadaan yang kacau-bilau*)  
Jayah kami berebutka leka **buah embawang** lanja  
(*seperti kerasukan kami berebutkan sebuah buah Embang yang manis itu*)...

(*Banyi Anak Layung, 2016:33*)

Dari petikkan diatas, dapatlah kita simpulkan bahawa kajian biotik unsur alam flora sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban *Sampi enggau biau* sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur flora buah embawang yang terdapat dalam buku puisi *sampi enggau biau* oleh Robert Menua Saleh. Hal ini demikian kerana, **buah embawang** ini merupakan sebagai buah bambangan atau dalam erti yang saintifnya adalah *Mangifera pajang* iaitu sejenis buah yang agak terkenal di Borneo atau nama lainnya iaitu disebut buah mawang oleh masyarakat Iban di Sarawak. Buah embawang ini boleh dikategorikan sebagai buah yang memiliki bahagian kulitnya agak keras, kasar, warna coklat walaubagaimanapun apabila dikupas tidak memerlukan tenaga yang kuat kerana mudah. Makala, isinya pula adalah berwarna kuning yang amat terang. Selain itu juga, buah ini adaalah

berbentuk berjus dan ada sedikit serat urat-uratnya. Selain itu juga, pada masyarakat Iban di Sarawak, buah ini dapat dimakan pada setiap bahagian.

Namun, dari penelitian yang terdapat di dalam buku puisi rakyat Iban *sampi enggau biau* oleh Robert Menua ini dapatlah kita lihat unsur flora “buah embawang” ini telah diterapkan yang mana telah membawa penggunaannya sebagai lambang interaksi di antara alam dengan manusia walaupun perlu menduduki sesuatu komuniti. Penulis telah berikan analogi antara alam dan juga manusia. Manakala, “bunsu-bunsu” dalam petikan ini adalah merujuk kepada suatu kuasa supernatural yang mana tidak bercakap dengan manusa secara lisannya malah lebih cenderung untuk mempratikkan unsur alam ini memberikan kesan terhadap perkaitannya antara melalui masyarakat Iban pada masa dulu. Hal ini memiliki cirinya yang tersendiri di dalam menyampaikan tindakan manusia. Hal ini dapat dikemukakan bahawa “buah embawang”. disini sesuatu yang diperolehi dan direbut oleh orang ramai disebabkan seperti ciri-ciri buah embawang itu sebagai rezeki. Oleh itu, disini dapat kita lihat bahawa adanya interaksi ini tidaklah menonjol manakala ini akan terjadi apabila ini ada pengolakkan antara unsur alam dengan manusia.

Seterusnya, penelitian yang kedua pula yang dapat dikenalpasti di dalam buku puisi rakyat Iban *sampi enggau biau* oleh Robert Menua Salleh iaitu melalui penggunaan unsur alam flora yang mana dapat menggambarkan satu interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Penggunaan unsur alam flora ini amat jelas dapat kita dilihat seperti pada **petikan rangkap 2 yang dibawah :**

### **Petikan Rangkap 2:**

...Tak labuh-labuh **daun buluh**,  
(Terjuntai-juntai **daun buluh** keguguran),  
Tangkap ikan tuman,  
(Ikan Toman pula yang ditangkapi),  
Antu ka munuh,  
(Roh Jahat ingin membunuh),  
Petara masih nyimpan ngembuan,  
(Roh baik tetap selalu disisi)...

(Bakir Anak Ajan, 2016:3)

Melalui petikkan diatas, dapatlah kita simpulkan bahawa kajian biotik unsur alam flora sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban *Sampi enggau biau* digunakan sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur flora “**daun buluh**” yang terdapat dalam buku puisi *sampi enggau biau* oleh Robert Menua Saleh. Puisi Iban begitu menyumbangkan peranan dan memiliki kedudukan yang amat penting di dalam kehidupan masyarakat Iban. Hal ini demikian kerana, puisi ini berperanan sebagai sebuah bentuk hiburan. Oleh itu, daun merupakan satu takrifkan sebagai sebahagian daripada bentuk tumbuhan untuk respirasi, transpirasi dan gutasi. Manakala, daun-daun ini mampu untuk menyimpan air dan juga dapat diubah suai oleh sebilangan tumbuhan untuk kegunaan lain. Justeru itu, bagi takrifan bagi perkataan buluh juga dapat dikenali sebagai satu aur atau bambu. Buluh juga merupakan suku bagi tumbuhan berbunga dikenali sebahagian keluarga Poaceae. Manakala, strukturnya pula terletak pada pokok buluh yang berongga pada bahagian tengah dan keratan rentas berkas vaskularnya terletak bertaburan di seluruh batang. Oleh itu, secara morfologinya, buluh ini memiliki dua bentuk daun yang mana daun batang dan juga daun nutrien. Hal ini demikian kerana, daun batang ini merupakan satu hasil daripada batang buluh yang mana batangnya, batang buluh, pucuk buku dan banyak lagi.

Namun, dari segi penelitiannya pula yang disimpulkan di dalam buku puisi rakyat Iban *sampi enggau biau* oleh Robert Menua ini adalah dapatlah kita lihat pada penggunaan unsur flora iaitu “daun buluh” yang telah diterapkan yang mana telah membawa terhadap penggunaannya sebagai saling berhubung di antara satu sama yang lain. Berdasarkan petikan rangkap ini juga, penulis telah mempratikkan unsur alam flora “daun buluh” adalah sebagai cerminan terhadap diri. Hal ini jelas memperlihatkan, apabila adanya penggunaan flora untuk melakar suasana perjalanan hidup yang panjang walaupun banyak halangan namun tidak dilupa dengan roh baik sentiasa disininya di dalam puisi ini. Tegasnya, unsur flora ini memiliki cirinya yang tersendiri di dalam menyampaikan tindakan manusia hal ini dapat dikemukakan “daun buluh”. Perkaitan di antara manusia dan alam seakan-akan tahu dan merestui “upacara ritual” ini dilakukan. Selain itu juga, kesuburan “daun buluh” yang terjuntai-juntaian gugur melambangkan harapan yang sentiasa membara bagi menerapkan dalam jiwa.

Selain itu, penelitian yang ketiga pula yang dapat dikenalpasti di dalam buku puisi rakyat Iban *sampi enggau biau* oleh Robert Menua Salleh iaitu melalui penggunaan unsur alam flora yang mana dapat menggambarkan satu interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Penggunaan unsur alam flora ini amat jelas dapat kita dilihat seperti pada **petikan rangkap 3** seperti yang dibawah :

### **Petikan Rangkap 3:**

...Bulih ringgit bulih duit,  
(*Dimurahkan rezeki yang melimpah ruah*),  
Bulih mau bulih tajau,  
(*Dapat kebendaan dapat tajau*),  
Bulih tawak bulih dumbak,  
(*Dapat gong besar dan gendang*),

Bulih bebundai bulih menyarai,  
(*Dapat gong senderhana yang banyak*),  
Bulih gung bulih engkerumung,  
(*Dapat set gong kecik banyak dan engkerumung*),  
semua utai tau bulih mudah bulih gerah,  
(*semua kebendaan akan diperolehi dengan mudah dan longgar*),  
Ambung buah ambung **engkudu**,  
(*sentiasa membuatkan buah mengkudu*),  
Untung betuah untung pengayu  
(*Untung bertuah serta digayukan*)...

(*Bakir Anak Ajan, 2016:5*)

Dari petikkan diatas, dapatlah kita simpulkan bahawa kajian biotik unsur alam flora sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban *Sampi enggau biau* sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila hadirnya unsur flora "**engkudu**" yang terdapat dalam buku puisi *sampi enggau biau* oleh Robert Menua Saleh. Unsur flora "engkudu" ini merupakan sebuah buah yang dikenali mengkudu dalam erti bahasa Melayu yang merupakan sebuah tanaman yang kelompak Rubiaceae. Selain itu juga, buah Mengkudu ini juga merupakan sejenis buah yang merujuk terhadap tumbuh-tumbuhan renek berbatang yang lembut. Manakala, pada bahagian tepi daunnya pula adalah bentuk rata dan pada bahagian hujungnya pula berbentuk tajam dan tirus. Seterusnya, pada bahagian pangkal daunnya pula adalah berbentuk bulat dengan berurat daunnya pula menyerong dengan permukaan daun yang tidak berbulu. Bagi masyarakat Cina dan Melayu, mereka menggunakan buah ini sebagai satu bahan perubatan tradisional. Sampingan itu juga, buah ini juga boleh dijadikan sebagai makanan jenis ulaman.

walaubagaimanapun, dari segi penelitiannya pula yang terdapat di dalam buku puisi rakyat Iban *sampi enggau biau* oleh Robert Menua ini adalah memperlihatkan sebuah unsur floranya iaitu "engkudu" yang telah diterapkan telah membawa maksud pada penggunaannya sebagai apabila

tanaman yang subur selain memberikan rezeki yang luas alam. Buah engkudu memberikan maksud yang terselindung dari makna asalnya. Sebagai contohnya, menyifatkan kepada “engkudu” yang dicerminkan oleh penulis sebagai suatu sifat manis “mengkudu” diberatkan dengan nasib yang sentiasa baik sehingga memberikan kesan sifat seseorang yang sentiasa dipermudahkan serta memberikan satu lambang kepada nasib yang bertuah. Maksudnya, puisi ini adalah bertujuan untuk menyampaikan nasihat kepada sesiapa sahaja yang bertindak agar tidak terlebihan.

Di samping itu, dapat kita lihat pada penelitian yang keempat pula yang dapat dikenalpasti di dalam buku puisi rakyat Iban *sampi enggau biau* oleh Robert Menua Salleh iaitu melalui penggunaan unsur alam flora yang mana dapat menggambarkan satu interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kitauraikan mendasari penelitian teori ekologi. Penggunaan unsur alam flora ini amat jelas dapat kita dilihat seperti pada **petikan rangkap 4** seperti yang dibawah :

#### **Petikan Rangkap 4:**

...Makai pedara makai pegela,  
(*Makanan ai tuak yang diberikan kepada Tuhan semasa upacara miring*),  
Makai tumpi makai asi,  
(*Sejenis makanan lempeng dan nasi*),  
Nyadi kita legi Keling Bungai Nuing,  
(*Oleh itu kita sediakan kepada Dewa perang suku kaum Iban*),  
Laja **Bungai** Jawa,  
(*Balang penyimpanan bunga padi*),  
Ditu bisi ga piring kami,  
(*Di sini kami telah menyediakan makanan*),  
Kemari udah miring sedia kami pemakai kita,  
(*Kitu kami sudah melakukan upacara serta menyediakan makanan*),  
Keba kami sehari tu ngangauka kita,  
(*Oleh itu, kami pada hari ini menyeru para dewa*),  
Kita udah makai legi pulai,  
(*Selepas menikmati makanan kami alukan untuk balik ke sarang*),  
Kami mega udah ambih lusa pulai,  
(*Kami juga akan habiskan pada esok harinya*),  
Selamat gayu guru,  
(*Semoga diberkati panjang umur*),

Gerai nyamai,  
(Beroleh kesihatan yang baik),  
Chelap embap!  
(Hidup aman damai)!...

(Migang Anak Megang, 2016:29)

Melalui petikkan diatas, dapatlah kita rumuskan bahawa kajian biotik unsur flora ini sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban *sampi enggau biau* oleh Robert Menua Salleh yang menggunakan sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur flora “bungai” dalam bahasa Melayunya pula yang merujuk kepada jenisan bunga. Tumbuhan bagi bunga ini memiliki organ-organ yang mana dalamnya menghasilkan biji-biji benih tumbuhan yang baru melalui cara pembiakan. Unsur flora “bunga” ini digunakan di dalam penulisan sesebuah puisi ini membawa tujuannya agar dapat menjelaskan terhadap para pembaca bahawa unsur flora bunga ini merupakan salah satunya dari lingkungan alam sekitar yang mana harus dipelihara agar tidak pupus ditelan zaman moden.

Manakala, jika kita dilihat dari segi penelitiannya pula unsur flora ini telah terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban *sampi enggau biau* oleh Robert Menua ini memaparkan kepada khalayak bahawa unsur flora “bunga” yang mana telah diterapkan telah membawa makna kepada penggunaanya bahasa yang mana menjelaskan kehadiran hubungkait di antara manusia dengan alam sekelilingannya. Hal ini jelas memperlihatkan, medium bunga pada petikan diatas yang menyentuh kepada menyatakan manfaatnya terutamanya di dalam menerangkan soal kesihatan. Sebagai contohnya, bunga jawa yang telah dijadikan selitan sebagai ubat untuk merawat beberapa jenis penyakit dengan melakukan ritual penyembuhan. Namun, sebelum itu hendaklah sekali menyediakan makanan kepada dewa-dewa

yang baik yang digunakan sebagai balasan kepada dewa-dewi yang membantu menyembuhkan. Hal ini demikian kerana, penulis itu sendiri meletakkan bunga jawa di dalam pemuitisnya. Oleh hal itu juga, puisi yang dihasilkan memiliki ciri-ciri mempunyai karbohidrat bagi menyalurkan tenaga kepada tubuh badan manusia agar memiliki nutrisi yang mencukupi.

Seterusnya, lihat pada penelitian yang kelima pula yang dapat dikenalpasti di dalam buku puisi rakyat Iban sampi enggau biau oleh Robert Menua Salleh. Penggunaan unsur alam flora yang digunakan di dalam medium puisi ini sebagai menggambarkan interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Hal ini jelas dapat kita dilihat pada **petikan rangkap 5 yang dibawah :**

#### Petikan Rangkap 5:

...Sanu ke empu rumah ti udah dipalu kami tu ila,  
(Orang lain empunya rumah itu yang akan serukan oleh kami),  
Iya bulih **padi** bulih puli,  
(Mereka itu yang akan memperolehi **padi** yang melimpah ruah),  
Bulih duit bulih ringgit,  
(Akan mendapat duit ringgit yang banyak),  
Lalu bedama lalu beberita iya ila,  
(Lalu bukan itu sahaja akan menjadi orang yang bernilai),  
Iya ila tau nyadi tuan nyadi Komendan,  
(Lalu akan menjadi orang pembesar atau menjadi Komendan),  
Nyadi Kerani nyadi tauke.  
(Menjadi Kerani atau tauke besar),  
Raja tau ninga antu tau nemu,  
(Para dewa-dewi mendengar seruan ini),  
Semua pengaruh datai semua,  
(Maka segala perkayaan akan menyusul),  
Semua utai datai sereba.  
(Segala kebendaan akan datang dengan melimpah-ruah)...

(Entalai Anak Meliba, 2016:31)

Melalui petikkan diatas, dapatlah dirumuskan bahawa kajian biotik unsur alam flora sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban Sampi enggau biau sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur flora “**Padi**” yang

digunakan dalam medium penyampaian interaksi di antara manusia dengan alam. Penanaman padi merupakan suatu perkara yang memerlukan tenaga serta harus meletakkan pendirian yang menanamkan itizam yang tinggi kerana di dalam menghasilkan padi memerlukan kebolehan dan pengetahuan. Hal ini demikian kerana, usaha menanam padi yang baik bukanlah sesuatu yang akan cepat membawa hasil yang amat lumayan. Unsur padi ini merupakan tanaman bijirin yang merupakan makanan ruji.

Seterusnya, dapat kita lihat dengan jelas dari sudut penelitiannya pula yang mana telah terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban *sampi enggau biau* oleh Robert Menua ini dapatlah kita lihat unsur flora “padi” ini telah diterapkan yang mana telah membawa kepada penggunaannya di dalam elemen alam saling berhubung dengan satu sama yang lain. Pada kepercayaan lama, masyarakat Iban di Sarawak percaya tentang kewujudan “semangat padi” yang mana percaya setiap benda mempunyai semangat yang mengawalnya. Kepercayaan ini terdapat meluas dikalangan kebudayaan yang menanam padi secara turun temurun. Oleh itu, dapat kita simpulkan bahawa semangat padi ini adalah berbentuk sama ada bentuk jelmaan atau bentuk maya yang disebut sebagai “kitaran angin”. tegasnya, setiap unsur flora yang digunakan sudah tentu memiliki nilai estetika serta fungsinya yang tersendiri. Dalam puisi di atas, jelaslah penulis disini ingin memberikan nasihat tentang sesuatu sumber rezeki perlu dengan usaha serta dan sikap tekun supaya apa yang dilakukan tidak mendatangkan benda yang sia-sia.

Namun demikian, dapatlah lihat pada penelitian yang keenam pula yang dapat dikenalpasti penelitiannya di dalam buku puisi rakyat Iban *sampi*

*enggau biau* oleh Robert Menua Salleh iaitu melalui penggunaan unsur alam flora yang mana dapat menggambarkan satu interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Penggunaan unsur alam flora ini amat jelas dapat kita dilihat seperti pada **petikan rangkap 6** seperti yang dibawah :

**Petikan Rangkap 6:**

...Nya alai kita perengka asi **kunyit**,  
(*Oleh itu kita menyediakan nasi kunyit*),  
Kena kami tu madi ngagai Seregindit,  
(Untuk kami berikan kepada  
Nya orang sidi tau jari tunjuk chawit,  
(*Oleh itu orang tersebut dapat tangan tunjuk kidal*),  
Terubah ngaga langit,  
(*Orang yang pertama mencipta langit*),  
Bersingkum rapit teguh ditambit neladan burit kekura takung  
(*Berkait rapat dengan meneladani kekura yang telentang*)...

(*Banyi Anak Layung, 2016:33*)

Melalui petikan diatas, dapatlah kita rumuskan bahawa kajian biotik unsur alam flora sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban *Sampi enggau biau* oleh Robert Menua Salleh sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur flora “kunyit” yang mana unsur ini digunakan dalam medium penyampaian hubungkait di antara alam dengan manusia. Unsur flora “kunyit” ini merupakan spesis tanaman berbunga yang memiliki warna kuning pekat serta baunya menyengat sedikit pahit dan pedas.dalam keluarga temu-temuan selain daripada rempah yang digunakan dalam masakan meskipun itu masih banyak lagi kegunaan kunyit. Selain itu, salah satunya kegunaan tumbuhan kunyit ini juga digunakan sebagai ramuan perubatan.

Selain itu, dapat kita lihat dengan jelas dari sudut penelitiannya pula yang mana telah terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban sampi enggau

biau oleh Robert Menua ini dapatlah kita lihat unsur flora “kunyit” ini telah diterapkan yang mana telah membawa kepada penggunaannya di dalam elemen agar alam saling untuk berhubungkait. Manakala, bagi sesebuah karya yang mempunyai fungsinya yang tersendiri. Bagi masyarakat Iban pula, yang amat percaya dengan segala patuh dengan segala arahan kuasa luar biasa menggunakan kunyit dalam menyatakan sifat kunyit dengan menunjukkan bahawa memiliki makna terselindungnya sendiri. Oleh itu, melalui puisi ini dapat untuk memberikan pengajaran agar selalu untuk mengamalkan kehidupan yang sihat. Hubungan di antara unsur flora dengan manusia membuktikan bahawa masyarakat Iban pemerihatiannya alam yang tekun serta bijak di dalam ilmu yang berhubungkait.

Di samping itu, memperlihatkan terhadap penelitian yang ketujuh pula yang dapat dikenalpasti di dalam buku puisi rakyat Iban *sampi enggau biau* oleh Robert Menua Salleh. Penggunaan unsur flora yang digunakan di dalam medium puisi ini sebagai menggambarkan interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Hal ini jelas dapat kita dilihat pada **petikan rangkap 7 yang dibawah :**

#### Petikan Rangkap 7:

...Uji kitai ngagai di seruan Bungai Pingan,  
(*Pergilah kepada yang diseru yang disebut dewa daun pingan*),  
Lalu Terbai Bermas-mas,  
(*Lalu yang terbang beremas-emas*),  
Pating Merundang Kuning Perenching Pandang panas,  
(*Yang dipancar oleh Matahari panas*),  
Karung Letup Nyaga Penamgkup Bungai Rian,  
(*Lalu mulutnya ditutupnya dengan bunga durian*),  
Beras Kuning Kekinding nepan di chawan,  
(*Beras kuning disediakan di dalam cawan*)...

(*Jingan Anak Lanchang, 2016:49*)

Hasil petikkan diatas, dapatlah kita rumuskan bahawa kajian biotik unsur alam flora sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban *Sampi*

*enggau biau* oleh Robert Menua Salleh sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur flora ini sememangnya hadir di dalam puisi Iban iaitu sebagai contohnya “Bungai rian”. Bungai rian dalam erti kata dalam bahasa Melayu merupakan sejenis pokok buah durian. Hal ini dapat dikatakan sebagai buah yang memiliki saiznya yang besar, beraroma yang kuat manakala isi buah durian ini dilindungi kulitnya berserat dan tajam berduri. Bagi masyarakat Iban pula, ciri durian di dalam rangkap adalah supaya dijaganya pertuturan yang tajam. Hal ini juga, sejenis buah ini yang akan tumbuh bermusim. Fungsi durian di dalam petikan adalah kelakuan seseorang ketika berinteraksi tidak kiralah sama ada dengan manusia ataupun dimana juar.

Sementelahan itu, jika kita dilihat dari segi penelitiannya pula unsur flora ini yang mana telah terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban *sampi enggau biau* oleh Robert Menua menggambarkan terhadap khalayak bahawa unsur flora “Durian” ini yang mana telah diterapkan akan dapat dimanfatkan di dalam alatnya untuk berkomunikasi seperti dapat dilihat penggunaanya di dalam upacara ritual Hal ini jelas memperlihatkan, medium bahasa yang diterapkan pada petikan diatas yang menyentuh kepada bagaimana Masyarakat Iban di dalam kesantunan berbahasa. Kesannya, agar setiap apa yang diungkap tidak memberikan kesan yang buruk kepada orang lain. Sebagai contoh, makna rangkap diatas adalah sebagai satu bentuk tunjuk ajar serta memberikan nasihat supaya sebelum mengeluarkan perkataan yang setajam duri durian hendaklah difikir dahulu.

Penelitian ini dapatlah kita memperlihatkan terhadap yang kelapan, yang dapat dikenalpasti di dalam buku puisi rakyat Iban *sampi enggau biau* oleh Robert Menua Salleh. Penelitian ini adalah untuk menganalisis tentang

penggunaan unsur flora dalam petikan rangkap yang diperolehi. Unsur flora yang digunakan di dalam medium puisi ini sebagai menggambarkan interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Hal ini jelas dapat kita dilihat pada **petikan rangkap 8 yang dibawah :**

#### **Petikan Rangkap 8:**

...Padang **lalang** layu berpandang siti tanjung,  
(*kelihatan sebuah pandang **lalang** yang layu di satu tanjung itu*),  
Kelampu bisi layuh daun ujung,  
(*Pada bahagian hujung pangkal daun itu*),  
Ensurai mayuh ragai ngaki lepung,  
(*Gelaran yang diberikan terhadap seseorang yang bebernama*),  
Nyau kena pandang panau belakang orang bujang,  
(*Oleh itu menyebabkan belakang orang bujang itu terkena tempias panau*),  
Niti ruang arung beradung,  
(*Mengambil kira terhadap sudut yang diberikan*),  
Iya ga udah disungga Kumang seduai Lulong,  
(*Yang mana telah diberkati oleh para dewi masyarakat Iban iaitu Kumang dan Lulong*),  
Di tengkelung lubang pemandang,  
(*Yang dikenali secara beberita*)...

(Ben Anak Asit, 2016:83)

Melalui petikkan diatas, dapatlah kita rumuskan bahawa kajian biotik unsur alam flora sememangnya dipraktikan di dalam Puisi Rakyat Iban *Sampi enggau biau* oleh Robert Menua Salleh yang digunakan sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur flora ini sememangnya hadir di dalam puisi Iban iaitu sebagai contohnya “lalang”. Hal ini demikan kerana, takrifan bagi lalang adalah merupakan jenis tumbuh-tumbuhan yang dianggap sebagai satu rumpai. Manakala, lalang pula dianggap sebagai satu tumbuhan yang membiak dengan hanya tiupan angin dengan keratan rizom. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa tumbuhan lalang ini memiliki kepentingannya yang

tersendiri. Hal ini demikian kerana, lalang ini disebut sebagai satu tumbuhan yang akan mengurangkan hakisan pada tanah.

Namun demikian, apabila kita dilihat dari segi penelitiannya pula yang mengandungi unsur flora ini yang mana telah terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban *sampi enggau biau* oleh Robert Menua bila mana menggambarkan terhadap khalayak bahawa unsur flora “lalang” ini memberikan deskripsinya terhadap meneliti dengan merungkai terhadap makna yang tersirat. Sebagai contoh, lalang ini diberikan terhadap kepentingan “lalang” dalam masyarakat Iban yang berperanan mencerminkan terhadap nasib seseorang yang telah diberikan rezeki yang baik dan seseorang yang telah diberikan rezeki yang baik janganlah bersikap tidak baik kelak akan mendapat nasib yang buruk kepada diri.

Oleh itu, jelaslah disini, puisi Iban ini memberikan satu pengajaran supaya sentiasa mengamalkan hidup yang sederhana. Apabila kita bersikap demikian nescayalah hidup ini akan sentiasa dipermudahkan. Kesannya, disini dapat kita lihat masyarakat Iban merupakan sangat berhubungkait dalam ilmu interaksi antara alam dan juga manusia.

Penelitan ini dapatlah kita hurai terhadap kesembilan, yang mana dapat dikenalpasti di dalam buku puisi rakyat Iban *sampi enggau biau* oleh Robert Menua Salleh. Penelitan ini adalah untuk menganalisis tentang penggunaan unsur flora dalam petikan rangkap yang diperolehi. Unsur flora yang digunakan di dalam medium puisi ini sebagai menggambarkan interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Hal ini jelas dapat kita dilihat pada **petikan rangkap 9** yang dibawah :

#### **Petikan Rangkap 9:**

...Enti pia tebang **ara** lebau bebunga,  
(*Kalau begitu tebanglah pokok ara yang tidak subur berbunga*),  
Nyaduh betubuh manuk merati nyapa,  
(*Apabila ayam dari jauh kian menyapa*),  
Ni de besiri laki ular ginti,  
(*Maka seorang lelaki yang separuh ular datang bertandang*),  
Diinjau orang ngambi ngabang ke tisi kaki langit siti,  
(*Dipinjam orang supaya betapa ke kaki langit yang lain*),  
Ati ke berani tajam enda anchi-anchi,  
(*Hati yang berani tidak dibawa main-main*),  
Landik meruti empedu ai bulih igi batu lempang  
(*Cekap membela hempedu air dengan memperoleh batu yang kebal*)...

(*Jingan Anak Lanchang, 2016:90*)

Melalui petikan diatas, sudah tentu dapat kita rumuskan bahawa kajian biotik unsur alam flora sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban *Sampi enggau biau* oleh Robert Menua Salleh ini. Apabila unsur ini digunakan sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur flora ini sememangnya hadir di dalam puisi Iban iaitu sebagai contohnya pokok “ara”. Takrifan bagi pokok ara adalah satu tanaman yang berasal daripada daerah Asia Barat. Selain itu juga, dari segi morfologinya pokok ara ini memiliki ketinggian sehingga 10 meter dan batangnya yang lembut seakan-akan berwarna abu-abu. Manakala, pokok ara ini juga merupakan sejenis tanaman yang mana buahnya dihasilkan dan buah tersebut memiliki khasiat yang baik dapat digunakan untuk menyembuhkan berbagai penyakit.

Seterusnya, jika kita dilihat dari segi penelitiannya pula yang mengandungi unsur flora ini yang mana telah terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban bila mana menggambarkan terhadap pokok ara ini bukan sahaja dapat menyembuhkan pelbagai penyakit malah mempunyai makna yang lain yang menyatakan pokok ini percaya bahawa setiap ketamadunan bangsa adalah ditentu daripada alam. Berdasarkan petikan rangkap di atas, pokok

ara yang digambarkan bagaimana seorang lelaki separuh ular diangkat dan diangkat untuk pergi betapa untuk mencari batu sakti kebal walaupun nyawa tergadai. Oleh itu idealogi pengarang disini adalah untuk memberikan makna menyeru mereka yang dialam lain untuk walaupun memerlukan orang untuk bergantung hidup.

Penelitan ini dapatlah kita hurai terhadap kesepuluh, yang mana dapat dikenalpasti di dalam buku puisi rakyat Iban *sampi enggau biau* oleh Robert Menua Salleh. Penelitian ini adalah untuk menganalisis tentang penggunaan unsur flora dalam petikan rangkap yang diperolehi. Unsur flora yang digunakan di dalam medium puisi ini sebagai menggambarkan interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Hal ini jelas dapat kita dilihat pada **petikan rangkap 10 yang dibawah :**

#### **Petikan Rangkap 10:**

...Aku bekirum ubat berani tu uchu,  
(*Saya mengirimkan ubat keberanian dari seorang cucu*),  
Ngambi ati anak mensia tuchi nungkul **pisang**,  
(*Supaya anak hati manusia sesuci seperti jantung pisang*),  
Alai mina aku bekirum punchung mali rampung tu uchu,  
(*Oleh itu saya mengirimkan pantang larang adat turunan terhadap cucu*),  
Ke betampung mali balang,  
(*Yang sentiasa turun dan diturunkan pantang larang*),  
Nya alai tu mih dibai kita nandai kita nemuai  
(*Sebab itu dibawa orang agar datang pergi bertandang*)...

*(Jingan Anak Lanchang, 2016:97)*

Melalui petikkan diatas, dapatlah kita rumuskan bahawa kajian biotik unsur alam flora sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban Sampi enggau biau sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur flora “pisang”. Takrifan bagi pisang adalah merupakan buah-buahan yang boleh dimakan. Pada

sesetengah negara pisang digunakan untuk memasak yang mana lebih dipanggil plantains, berbeza pula dengan pisang yang dijadikan sebagai pencuci mulut. Selain itu, pisang juga dijadikan sumber tenaga kerana kandungan karbohidratnya yang ada dapat dijadikan sumber tenaga kepada tumbuh manusia. Apabila seseorang makan sebanyak 2 biji pisang sehari makanya akan meningkat sistem imunisasi tubuh dan juga dapat menambah tenaga apabila hendak melakukan aktivit sehari.

Tegasnya, jika kita dilihat pula dari segi penelitiannya yang mana mengandungi unsur flora ini yang mana telah terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban bila mana menggambarkan terhadap pokok ara ini bukan sahaja dapat dijadikan sumber tenaga kepada tubuh manusia namun juga digunakan medium didaktik di mana untuk memberikan nasihat, tunjuk ajar dan panduan. Misalnya dengan melalui penyampaian keluhan hati dan jiwa seperti petikan rangkap di atas di mana menyatakan kepada seorang cucu supaya mengekalkan hati mereka agar sesuci jantung pisang dan sentiasa memelihara pantang larang adat masyarakat Iban agar tidak ditelan zaman.

Namun demikian, dapatlah lihat pada penelitian yang kesebelas pula yang dapat dikenalpasti penelitiannya di dalam buku puisi rakyat Iban sampai enggau biau oleh Robert Menua Salleh iaitu melalui penggunaan unsur alam flora yang mana dapat menggambarkan satu interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Penggunaan unsur alam flora ini amat jelas dapat kita dilihat seperti pada **petikan rangkap 11** seperti yang dibawah :

#### **Petikan Rangkap 11:**

...Batu tubu besulur **rebung**,  
(*Batu miang bak aluran rebung*),  
Batu paku bekaul gelung,  
(*Batu bergulung bak paku pakis* ),

Bai kita ngabang mansang nindung,  
(*Dibawa pergi balik bertandang ulang alik*),  
Ke batang gelenggang krian lepung  
(*Disebabkan perjalanan agak dekat*)...

(*Jingan Anak Lanchang*, 2016:103)

Melalui petikan diatas, dapatlah kita rumuskan bahawa kajian biotik unsur alam flora sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban Sampi enggau biau sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur flora “rebung” merupakan sejenis tumbuhan pucuk buluh yang masih muda dari akar pokok buluh. Kebiasaanya, rebung ini dapat dilihat tumbuh diatas tanah atau mungkin tumbuh terselindung dengan daun buluh. Selain itu, rebung ini memiliki permukaan kulitnya warna gelap dengan berbulu tajam apabila disentuh.

Tambahan pula, jika kita dilihat dari segi penelitiannya pula yang mengandungi unsur flora ini yang mana telah terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban bila mana menggambarkan terhadap rebung ini dalam masyarakat Iban adalah lebih menekankan kepada sifat seseorang yang miang. Hal ini demikian kerana, dapat kita lihat kepada petikan rangkap di atas apabila ditegaskan bertandang berulang alik kerana perjalanan dekat. Namun, jika diselidik dalam maksud yang tersiratnya pula adalah kelakuan seseorang yang yang miang. Tegasnya, walaupun ada diselitkan dengan unsur humor namun masih memberikan sindiran tajam kepada seorang yang miang itu. Oleh itu, jelaslah bahawa mesej yang ingin disampaikan adalah berbentuk peringatan bahawa walaupun singkat apa sekalipun perjalanan seseorang kenalah sematkan dalam diri agar sentiasa menjaga perlakuan diri sendiri.

## 4.3 Unsur-Unsur Biotik (Fauna) Yang Terkandung Di Dalam Puisi Rakyat Iban “Sampi Enggau Biau”

### 4.3.1 Alam Fauna

Fauna adalah merujuk kepada haiwan ataupun segala binatang yang hidup liar di dalam lingkungan persekitaran ataupun bentuk habitat. Takrifan bagi fauna adalah merujuk terhadap hidupan seperti mamalia, ungas, serangga ataupun ikan. Tambahan pula, fauna dalam lingkungan ekologi pula menyampaikan dua maksud yang mana membawa maksud sesebuah karya yang mana akan memerihalkan terhadap sesuatu bagi tujuan pengenalpastian. Namun, titik fokusnya adalah pada fauna dalam definisi yang ditakrifkan sebagai (bio) yang merangkumi seluruh binatang hidup di sesuatu daerah yang tertentu (Kamun Dewan Edisi Keempat,2016). Fauna ini memainkan peranan sebagai bio-indikator bagi menyatakan ekosistem hutan dalam keadaan baik. Sebagai contoh, dapat dilihat pada binatang burung, ayam, ikan jadi itulah sebahagian contoh daripada alam fauna. Oleh itu, untuk mengetahui lebih mendalam fauna yang hidup dan juga masih belum diterokai dari segi ekologinya.

Dalam kajian buku puisi rakyat Iban “sampi enggau biau” karya Dr. Robert Menua Salleh (2016), terdapat beberapa unsur biotik dari segi fauna yang diterapkan dalam pengkaryaannya. Binatang-binatang fauna ini memperlihatkan interaksi yang begitu erat di antara kehidupan manusia dengan alam. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat Iban yang banyak meneladani dan mengambil unsur-unsur fauna di dalam mengekspresikan luahan perasaan mereka. Untuk memberikan pemahaman yang mendalam unsur fauna ini memainkan peranan besar di mana para

pengkarya menggunakan tumbuhan sebagai simbolik untuk meluahkan apa yang terbuku dihati. Hal ini demikian kerana, menurut Abu Bakar (2000) menyatakan bahawa unsur fauna yang diperolehi bukan sekadar menambahkan nilai estetika dalam penulisan namun ingin mempelajari dan juga meneladani sifat melalui sesuatu unsur fauna tersebut. Sebagai contoh, di dalam karya puisi rakyat Iban “sampi enggau biau” yang dikaryakan oleh Dr. Robert Menua Salleh mengandungi beberapa unsur fauna yang dapat diberikan contoh **petikan rangkap 1** pada di bawah:

**Petikan Rangkap 1:**

...Au enti udah munyi nya,  
(Andai itu yang telah dimaksudkan),  
Ni de kak **burung Keniung**,  
(*Mana yang digelar keturunan burung Tiong*),  
Sapa ngalahka pimpin jalai raya,  
(*Siapa yang mampu menewaskan Pemimpin pembesar*),  
Ngalahka raup besundang laba...  
(*ditewaskan dengan jatuh tersungkur*)...

(Bakir Anak Ajan, 2016:2)

Dari petikkan diatas, dapatlah kita simpulkan bahawa kajian biotik unsur alam fauna ini sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban *Sampi enggau biau* sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur fauna burung keniung yang terdapat dalam buku puisi *sampi enggau biau* oleh Robert Menua Saleh. Hal ini demikian kerana, burung Keniung dalam erti bahasa Melayunya adalah burung Tiong Mas yang mampu meniru apa sahaja suara ataupun bunyi yang mereka tangkap. Manakala, burung Tiong ini merupakan sebahagian haiwan yang tergolong di dalam benda hidup, alam haiwan, bertulang belakang dan berkelas burung. Hal ini demikian kerana, burung

Tiong ini merupakan haiwan yang boleh dianggap bijak hal ini apabila cepat menangkap segala bunyi disekeliling.

Seterusnya, jika kita dilihat dari segi penelitiannya pula yang mengandungi unsur fauna ini yang mana telah terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban bila mana menggambarkan terhadap burung keniung mengikut kepercayaan masyarakat Iban di Sarawak percaya bahawa burung Tiong ini merupakan sejenis burung pahlawan turunan dewa-dewi masyarakat Iban. Hal ini demikian kerana, dapat kita lihat kepada petikan rangkap di atas apabila ditegaskan apabila burung keniung (burung Tiong) mampu untuk menewaskan para pemimpin pembesar dengan jatuh tersungkur. Oleh hal yang demikian, disini dapat kita lihat bahawa sememangnya masyarakat Iban masih meletakkan hubungkait di antara pihak manusia dengan alam.

Namun demikian, dapatlah lihat pada penelitian yang kedua pula yang dapat dikenalpasti penelitiannya di dalam buku puisi rakyat Iban sampi enggau biau oleh Robert Menua Salleh iaitu melalui penggunaan unsur alam fauna yang mana dapat menggambarkan satu interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Penggunaan unsur alam fauna ini amat jelas dapat kita dilihat seperti pada **petikan rangkap 2** seperti yang dibawah :

### Petikan Rangkap 2:

...Nya sekumbang sebulan nandan mingkai,  
*(Setelah sebulan yang telah berlalu),*  
Sekumbang setaun mangun pun padi belansai,  
*(Sekian bertahun bersawah padi),*  
Nya alai bala mayuh udah bertubuh nuntung datai,  
*(Oleh itu sanak saudara banyak datang bertandang),*  
Diri menyadi bisi besendi,  
*(Ada yang sanak saudara rapat),*

Bala Apai Indai ndai begulai,  
(*Ada yang orang tuanya tidak lagi bersama*),  
Nya alai telesak anak andai kami bisi gaga rindu bergulai,  
(*Oleh itu semua sanak saudara ada yang memanfaatkan masa bersama*),  
Enda tingatka adat surung keempat sida **sempurai**,  
(*Tidak dilupakan adat keturunan empat dewa kaum Iban burung Kenyalang*),  
Tang sida ta gaga rindu begulai,  
(*Oleh itu dengan akan tetapi mereka suka untuk tinggal bersama*)...

(*Dingin Anak Lang*, 2016:7)

Dari petikkan diatas, dapatlah kita simpulkan bahawa kajian biotik unsur alam fauna ini sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban *Sampi enggau biau* sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur fauna burung Kenyalang yang terdapat dalam buku puisi *sampi enggau biau* oleh Robert Menua Saleh. Hal ini demikian kerana, burung kenyalang ini ditakrifkan secara saintifinya iaitu *Buceros rhinoceros*. Burung kenyalang jantan ini memiliki bola matanya yang berwarna jingga ataupun sedikit merah.

Manakala, burung kenyalang betina pula, dimana memiliki paruhnya yang kebanyakannya berwarna putih krim dan memiliki tanduk yang menyerupai tanduk badak sumbu. Selain itu juga, tanduknya itu ada yang warna kuning bata yang kemerahan dan jingga dan memiliki dada dan juga kepak yang berwarna hitam pada bahagian dada kepak hitam serta perutnya berwarna putih. Seterusnya, pada bahagian ekornya pula berwarna hitam serta putih. Manakala, dalam kerpercayaan masyarakat Iban di Sarawak pula, menganggap burung Kenyalang ini sebagai dewa perang mereka iaitu diberikan gelaran Sempurai yang merupakan jelmaan dewa Sengalang Burong.

Seterusnya, jika kita lihat dari segi penelitiannya pula yang mengandungi telah unsur fauna yang mana telah terkandung di dalam buku

puisi rakyat Iban bila mana menggambarkan terhadap burung Kenyalang sebagai lambang penghormatan pada masyarakat Iban terhadap alam hal ini demikian kerana kewujudan burung ditafsirkan melalui kepercayaan mereka. Pada masa dulu, masyarakat Iban percaya memanfaatkan setiap unsur yang ada sebagai medium berhubungkait dengan manusia dan alam. Oleh itu, dapat dijadikan contoh pada sempurai yang mana membawa makna terhadap burung Kenyalang ini mencerminkan identiti ataupun simbolik terhadap masyarakat Iban.

Sementelahan itu, dapatlah lihat pada penelitian yang ketiga pula yang dapat dikenalpasti penelitiannya di dalam buku puisi rakyat Iban sampi enggau biau oleh Robert Menua Salleh iaitu melalui penggunaan unsur alam fauna yang mana dapat menggambarkan satu interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Penggunaan unsur alam fauna ini amat jelas dapat kita dilihat seperti pada **petikan rangkap 3** seperti yang dibawah :

### Petikan Rangkap 3:

...Kumbu rayung enggau beliung lajung,  
(*Kain tenun dan kapak lonjong*),  
Ke pemumpung urat lensat ke nyerangkap alam sungai,  
(*Dipenggalnya urat kepekatan darah pun mengalir ke kawasan alam sungai*),  
Kumbu rayung tu dikenai nudung **tekuyung** alam ungkap,  
(*Kain tenun ini digunakan untuk menutupi bahagian alam siput*),  
Ngambi ka enda rarat lalu bejalai,  
(*Agar tidak melarat dan berjalan ke arah lain*)...

(Dingin Anak Lang, 2016:7)

Melalui petikan diatas, jelaslah bahawa disini kita dapat simpulkan bahawa kajian biotik unsur alam fauna ini sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban *Sampi enggau biau* sebagai yang mana membawa medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat

dilihat apabila unsur fauna “terkuyung” diselitkan di dalam puisi ini adalah disebut siput dalam bahasa Melayunya namun siput yang dinyatakan adalah lebih kepada siput sedut. Siput sedut ini merupakan sejenis habitat yang tinggal di dalam sungai dan juga dilumpur. Selain itu juga, siput sedut ini berbentuk cangkerangnya panjang dan yang keras manakala jika hendak memakainya hendaklah dipotong pada bahagian hujunya yang tajam itu. Hal ini dikatakan, siput sedut ini memiliki keistimewaan juga yang mana baik untuk sistem pernafasan kerana apabila kita hendak memakannya hendaklah disedut dan ini dapat memberikan latihan dalam menguatkan mental dan juga fizikal.

Seterusnya, jika kita lihat dari segi penelitiannya pula yang mengandungi telah unsur fauna yang mana telah terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban bila mana menggambarkan terhadap masyarakat Iban yang percayaakan pengadaptasian dalam masyarakat Iban dengan alam membataskan mereka dengan kehidupan unsur alam disekeliling. Hal ini boleh dikatakan, bahawa terkuyung di sini memberikan gambaran tentang corak kehidupan dengan memuitiskannya bentuk lisan.

Di samping itu juga, dapatlah lihat pada penelitian yang keempatnya pula yang dapat dikenalpasti penelitiannya di dalam buku puisi rakyat Iban sampi enggau biau oleh Robert Menua Salleh iaitu melalui penggunaan unsur alam fauna yang mana dapat menggambarkan satu interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Penggunaan unsur alam fauna ini amat jelas dapat kita dilihat seperti pada **petikan rangkap 4** seperti yang dibawah :

#### Petikan Rangkap 4:

...Sampi ngagai gemian **Ikan semah** sungai,  
(Berdoa kepada perantaraan **Ikan semah** yang berada di dasar sungai),

Awakka telesak anak andai kami tu ke jadi salah begulai tu,  
(*Restuiyah anak cucu kami yang kahwin terlarang ini*),  
Kita tu gemian **Ikan Semah** sungai,  
(*Kepada dewa-dewi kalian adalah perantaraan pertalian kami*),  
Tau muai utai ti jai,  
(*Yang dapat menghapuskan malapetaka(bala)dalam erti kata yang ain*),  
Awakka gerai nyamai tulihka utai lantang senang.  
(*Supaya dapat memperolehi sesuatu dengan mudah dan senang*)...

(Dingin Anak Lang, 2016:10)

Melalui petikan diatas, jelaslah bahawa disini kita dapat simpulkan bahawa kajian biotik unsur alam fauna ini sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban *Sampi enggau biau* sebagai yang mana membawa medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur fauna “Ikan Semah” digunakan oleh masyarakat Iban. Ikan Semah disebut sebagai Ikan Kelah jika dalam bahasa Melayunya. Ikan semah ini merupakan sejenis habitat yang hidup di sungai Borneo. Namun demikian, ikan ini amat jarang sekali dapat ditangkap oleh itu masyarakat Iban mengganggap ika tersebut sebagai ikan suci kerana jarang ditemui dan jika dapat pastinya dijual dengan harga yang melambung.

Seterusnya, jika kita lihat dari segi penelitiannya pula yang mana terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban bila mana menggambarkan terhadap unsur fauna ini memang hadir iaitu Ikan Semah. Menurut masyarakat Iban, Ikan Semah ini mereka anggap sebagai sejenis Ikan suci. Oleh hal yang demikian, ikan semah di dalam puisi Iban ini terselit kerana ikan semah ini digambarkan sebagai dewa-dewi perantaraan manusia dengan alam untuk memberikan mesej kepada perkara perkahwinan terlarang iaitu seperti mengahwini keluarga yang amat terdekat dan akan menyebabkan malapetaka di dalam hidup.

Unsur alam fauna yang dapatlah lihat pada penelitian yang seterusnya pula yang dapat dikenalpasti penelitiannya di dalam buku puisi rakyat Iban sampi enggau biau oleh Robert Menua Salleh. Penggunaan unsur alam fauna yang mana dapat menggambarkan satu interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Penggunaan unsur alam fauna ini amat jelas dapat kita dilihat seperti pada **petikan rangkap 5** seperti yang dibawah :

**Petikan Rangkap 5:**

...Oh au kemari aku nganti,  
(*Semalaman aku menanti*),  
Ensana aku ngipa, pia ku,  
(*Lusa itu aku pergi berjumpa, luah ku*),  
Nyawai tuai ndai mindah,  
(*Mereka yang tua itu tidak pergi ke mana-mana*),  
Nyawan nipan leman penyalah,  
(*Agar tiada sebarang kesalahan ditanggung*),  
Nyadi nuan baka nya ga **manuk labang** manuk menang agi ngelayang kelah- kelah,  
(*Oleh itu diibaratkan ayam sabun labang menang kegembiraan dengan tercungap-cungap*)...

(Migang Anak Megang, 2016:25)

Melalui petikan diatas, jelaslah bahawa disini kita dapat simpulkan bahawa kajian biotik unsur alam fauna ini sememangnya hadir bila mana dibawa dalam medium menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur fauna “Manuk labang” diunggap di dalam puisi Iban ini oleh Robert Menua Salleh. Manuk adalah merujuk kepada Ayam dalam bahasa Melayunya dan ayam labang adalah sejenis ayam sabung. Selain itu juga, ayam ini dikategorikan sebagai unggas merupakan sejenis habitat yang jinak dibela.

Seterusnya, jika kita lihat dari segi penelitiannya pula yang mana terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban bila mana

menggambarkan terhadap unsur fauna manuk labang menurut masyarakat Iban agak berbeza. Hal ini demikian kerana, mereka menganggap haiwan ini penting dalam mencerminkan kehidupan mereka. Ayam labang ini dianggap sebagai makanan korban diberikan kepada Petara (dewa-dewi) masyarakat Iban kerana haiwan ini adalah suci dan kekuatan ayam yang luar biasa. Masyarakat Iban juga percaya bahawa ayam ini merupakan pendinding roh dalam kehidupan mereka yang masih berpegang teguh dengan wujudnya kuasa-kuasa ini mereka perlu menjaganya dengan baik jadi tidak hairanlah unsur fauna ini sering diselit dalam puisi Iban ini.

Unsur alam fauna yang dapatlah lihat pada penelitian yang seterusnya pula yang dapat dikenalpasti penelitiannya di dalam buku puisi rakyat Iban sampi enggau biau oleh Robert Menua Salleh. Penggunaan unsur alam fauna yang mana dapat menggambarkan satu interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Penggunaan unsur alam fauna ini amat jelas dapat kita dilihat seperti pada **petikan rangkap 6** seperti yang dibawah :

#### Petikan Rangkap 6:

...Nya alai unsai piring udah bediding sedia magang,  
(*Oleh itu disimbahnya piring yang sudah tersedia itu*),  
Semua utai udah nyata udah sedia,  
(*Segala keperluan telah tersedia rapi*),  
Udah cukup piring letup,  
(*Piringnya yang mencukupi*),  
Ni dara kanchi Kumang mereti bunsu keri kerubung **kerang**,  
(*Mana yang digelar dewi si gadis cukup sopan santun bak kerang*)...

(Usei Anak Umin, 2016:38)

Melalui petikan diatas, jelaslah bahawa disini kita dapat simpulkan bahawa kajian biotik unsur alam fauna ini sememangnya hadir bila mana dibawa dalam medium menyampaikan interaksi di antara manusia

dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur fauna “Kerang” diunggap di dalam puisi Iban ini oleh Robert Menua Salleh. Unsur fauna kerang ini adalah berbentuk habitat yang bercengkerang yang isinya boleh dimakan selain fungsi cengkerang untuk melindungi diri.. Manakala, habitat ini hidup di kawasan yang berlumpur kerana bersesuai dengan sifatnya agar mudah untuk membiak.

Justeru itu, dapat kita lihat dari segi penelitiannya pula yang mana terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban bila mana menggambarkan terhadap unsur fauna kerang ini menurut masyarakat Iban ada kuasa luar untuk berhubung dengan mereka. Hal ini demikian kerana, agar dapat menyampaikan medium alam sememangnya berhubungkait di antara satu sama lain. Sebuah pengkaryaan ini bukan sahaja mempunyai nilai estetika malah juga memiliki fungsinya yang tersendiri. Menerusi puisi di atas, unsur fauna kerang ini digunakan sebagai unsur alam fauna agar berkaitan dengan alam sekeliling dengan menunjukkan bahawa kerang dengan cirinya terselindung sebalik cengkerangnya dan didorongi agar digambarkan kepada khalayak seorang yang menjaga perlakunya dalam hidup.

Tambahan pula, unsur alam fauna yang dapatlah lihat pada penelitian yang seterusnya pula yang dapat dikenalpasti penelitiannya di dalam buku puisi rakyat Iban sampi enggau biau oleh Robert Menua Salleh. Penggunaan unsur alam fauna yang mana dapat menggambarkan satu interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Penggunaan unsur alam fauna ini amat jelas dapat kita dilihat seperti pada **petikan rangkap 7** seperti yang dibawah :

#### **Petikan Rangkap 7:**

...Enti malam munyi kordian lagu kerunchung,  
(*Dalam keheningan malam kedengaran bunyi burung berkicauan*),  
Ngading puchung jayau pemandang,  
(*Menandakan hari sudah lewat malam*),  
Kada enda kita tu betua ka sawa **ular tedung**,  
(*Mana tahu bahawa kalian menjelma sebagai ular tedung*),  
Bisa nya gensera nyawa ujung dabung,  
(*Terasanya bisanya mencengkam dihujung nyawa*),  
Mantuk engkanjung enda ulih tipang  
(*Pantukkannya tidak dapat dielakkan*)...

(*Kanang Anak Irang, 2016:365*)

Melalui petikan diatas, jelaslah bahawa disini kita dapat simpulkan bahawa kajian biotik unsur alam fauna ini sememangnya hadir bila mana dibawa dalam medium menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur fauna “ular tedung”. Unsur fauna ular tedung merupakan sejenis reptilia bersembunyi menyembur bisanya bagi melindungi dirinya. Ular tedung ini ada pelbagai jenisnya ada yang hitam atau keperangan gelap dan purih kuning. Habitat ini mempunyai taring di bahagian rahangnya. Jika dijumpai ular ini hendaklah menjauhi keran ular ini amat agresif dan berbahaya.

Seterusnya, dapat kita lihat dari segi penelitiannya pula yang mana terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban bila mana menggambarkan terhadap unsur fauna ular tedung ini menurut masyarakat Iban ada kuasa luar untuk berhubung dengan mereka. Hal ini demikian kerana, masyarakat Iban bahawa ular tedung disini membawa makna kita hendaklah sentiasa menjaga keselamatan diri agar tidak mudah dikena bahaya. Ular tedung yang telah diselitkan di dalam puisi ini adalah sebagai pememerhatian alam fauna yang tekun menunggu masa yang sesuai untuk mengenakan seseorang. Oleh hal yang demikian, pengarang puisi ini menggunakan sifat

ular tedung yang sentiasa peka dengan alam sekeliling menunjukkan hubungkait disesuatu situasi.

Sementelahan itu, dapatlah lihat pada penelitian yang ketiga pula yang dapat dikenalpasti penelitiannya di dalam buku puisi rakyat Iban sampi enggau biau oleh Robert Menua Salleh iaitu melalui penggunaan unsur alam fauna yang mana dapat menggambarkan satu interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita horaikan mendasari penelitian teori ekologi. Penggunaan unsur alam fauna ini amat jelas dapat kita dilihat seperti pada **petikan rangkap 8** seperti yang dibawah :

#### **Petikan Rangkap 8:**

...Ukai mungkal ukai nanjal,  
(*Aku ini bukanlah seorang yang suka memulakan perbalahan*),  
Nunda adat kuang keempat,  
(*Mentaati adat perkara keempat*),  
Nunda chara pulang gana,  
(*Mengikuti aturan dewa-dewi kepercayaan masyarakat Iban*),  
Niti nali buie nasi,  
(*Mematuhi segala apa yang telah termaktub dalam papan turai*),  
Nampung adat **sengalang Burung**,  
(*Berpegang teguh terhadap adat yang telah ditetapi oleh **dewa burung helang** jelmaan kepada tuhan penghuni langit masyarakat Iban*)...

(Kredit Anak Chendang, 2016:67)

Melalui petikan diatas, dapatlah kita simpulkan bahawa kajian biotik unsur alam fauna ini sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban *Sampi enggau biau* sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur fauna senggalang burung yang terdapat dalam buku puisi *sampi enggau biau* oleh Robert Menua Saleh. Hal ini demikian kerana, burung helang ini ditakrifkan secara saintifinya iaitu *Haliastur indus* bersaiz di antara 43 hingga 51 cm dan memiliki kepada, lehernya dan dadanya putih dengan celorang perang gelap.

Bagi masyarakat Iban mereka begitu percaya bahawa kewujudan haiwan ini memberikan pertunjuk daripada tuhan yang mana mencerminkan kepada kebaikan ataupun buruk.

Selain itu, dapat kita lihat dari segi penelitiannya pula yang mana terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban bila mana menggambarkan terhadap unsur fauna senggalang burung merupakan satu petunjuk yang membawa utusan daripada Tuhan membimbang ke arah ajaran terhadap masyarakat Iban yang masih berpegang teguh kepada panduan ajaran senggalang burung ini. Oleh sebab itu, unsur fauna ini diselitkan untuk memberikan petunjuk dan bimbingan agar sentiasa tidak melanggar pantang larang yang sememangnya telah ditetapkan para dewa-dewi utusan daripada Tuhan.

Tambahan pula, unsur alam fauna yang dapatlah lihat pada penelitian yang seterusnya pula yang dapat dikenalpasti penelitiannya di dalam buku puisi rakyat Iban sampi enggau biau oleh Robert Menua Salleh. Penggunaan unsur alam fauna yang mana dapat menggambarkan satu interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Penggunaan unsur alam fauna ini amat jelas dapat kita dilihat seperti pada **petikan rangkap 9** seperti yang dibawah :

#### Petikan Rangkap 9:

...Kami minta ngibai bulih utai,  
(*Kami meminta agar diberikan dan mendapat rezeki*),  
Minta diri lansik bisi bidik,  
(*Meminta agar diri ini sentiasa bertuah*),  
Nya alai baka nya aku ngangauka Petara aki Petara ini,  
(*Oleh itu, saya menyeru kepada Tuhan*),  
Nampung adat sida niang Temeggung tulung tegung **remaung**  
lubang.....  
(*Mengikuti ajaran dewa-dewi jelmaan singa separuh manusia*).....

(Kedit Anak Chendang, 2016:67)

Melalui petikan diatas, dapatlah kita simpulkan bahawa kajian biotik unsur alam fauna ini sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban *Sampenggau biau* sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur fauna remaung. Unsur fauna remaung menurut kepercayaan masyarakat Iban adalah merupakan jelmaan singa separuh badannya manusia. Remaung ini juga bercirikan seorang singa separuh manusia badannya yang gagah licik serta bijak. Oleh itu, remaung ini dikatakan pada zaman dulu adalah seorang yang telah disumpah oleh Tuhan agar menjadi seorang yang kuat, gagah, bijaksana dengan penuh sakti dan menyebabkan remaung ini bersikap begitu angkuh dan suka menguji kekuatannya dengan mencabar dengan membunuh manusia.

Seterusnya, dapat kita lihat dari segi penelitiannya pula yang mana terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban bila mana menggambarkan terhadap unsur fauna remaung dinyatakan oleh masyarakat Iban sebagai seorang yang bijak, kuat dan bijaksana dalam kehidupannya. Oleh itu, remaung ini ditekankan di dalam puisi ini adalah disebabkan dengan menerapkan dan membawa kepada penggunaannya di dalam elemen agar alam saling untuk berhubungkait. Manakala, bagi sesbuah karya sudah tentu memiliki fungsinya yang tersendiri. Bagi masyarakat Iban pula, yang amat percaya dengan segala patuh dengan segala arahan kuasa luar biasa menjadikan remaug ini sebagai menyatakan sifat remaung dengan menunjukkan bahawa memiliki makna terselindungnya sendiri. Oleh itu, melalui puisi ini dapat untuk memberikan pengajaran agar selalu untuk mengamalkan kehidupan perlu dibimbing agar dapat membawa ke jalan yang baik. Hubungan di antara unsur fauna dengan manusia membuktikan

bahawa masyarakat Iban pemerihatian alam yang tekun serta bijak di dalam ilmu yang berhubungkait.

Di samping itu pula, unsur alam fauna yang dapatlah lihat pada penelitian yang seterusnya pula yang dapat dikenalpasti penelitiannya di dalam buku puisi rakyat Iban sampi enggau biau oleh Robert Menua Salleh. Penggunaan unsur alam fauna yang mana dapat menggambarkan satu interaksi di antara manusia dan alam yang dapat kita huraikan mendasari penelitian teori ekologi. Penggunaan unsur alam fauna ini amat jelas dapat kita dilihat seperti pada **petikan rangkap 10** seperti yang dibawah :

#### **Petikan Rangkap 10:**

...Ni dara ganggam kelam ampan marik lampung,  
(*Mana yang disebut si puteri yang menyarungkan Ngepan Iban yang berbunyi seperti hujan*),  
Dara pandai sentagai ke merundai nusuk sarung,  
(*Si dara yang tersimpan semat kebijaksanaannya*),  
Nya pesiri laki ular tedung,  
(*Yang ingin dibelit oleh para lelaki*),  
Aka likau **nabau** nyengkilung,  
(*Sekali terkena akan ular gergasi*),  
Ke ngembuan puchung dua bebandung,  
(*Yang mematuknya lebih berbisa binasa*),  
Besabung benung tebuka tudung,  
(*Yang sekali-sekala diperdaya oleh penyamar*)...

(*Jingan Anak Lanchang, 2016:91*)

Melalui petikan diatas, dapatlah kita simpulkan bahawa kajian biotik unsur alam fauna ini sememangnya hadir di dalam Puisi Rakyat Iban *Sampi enggau biau* sebagai medium di dalam menyampaikan interaksi di antara manusia dan alam. Hal ini dapat dilihat apabila unsur fauna nabau. Unsur fauna nabau ialah merupakan sejenis ular besar dan panjang iaitu disebut ular gergasi. Ular merupakan sejenis habitat yang menjalar tiada kaki dan kulitnya bersisik. Hal ini dikatakan demikian, ular ini terbahagi kepada dua iaitu sama ada berbentuk berbisa ataupu tidak berbisa. Selain itu juga, ular

yang berbisa ini selalunya akan menyemburkan bisanya kepada satu situasi bila terasa bahaya. Bisa ular tersebut digunakan untuk melumpuhkan mangsa sebelum menelan mangsa ataupun untuk mempertahankan diri daripada ancaman bahaya. Namun, unsur fauna nabau disini adalah merujukkan kepada sejenis habitat ular yang panjang dan besar.

Seterusnya, jika kita dilihat dari segi penelitiannya pula yang mengandungi unsur fauna ini yang mana telah terkandung di dalam buku puisi rakyat Iban bila mana menggambarkan terhadap unsur fauna nabau ini menurut masyarakat Iban adalah jelmaan dewa Ular gergasi yang memiliki kuasa ghaib dan sesiapa sahaja yang bertemu dengan nabau ini akan mendapat tuah ataupun dilimpahi kekayaan. Selain daripada jelmaan dewa ular gergasi nabau juga dikatakan seorang yang diutuskan untuk Tuhan menjadi pahlawan untuk mengalahkan para musuh. Dengan itu, pengarang menyelit unsur fauna nabau adalah untuk menyampaikan ada wujudnya interaksi dengan manusia. Manakala, bagi masyarakat Iban sikap keberanian ini merupakan sikap yang terpuji dan disanjungi. Hal demikian kerana, dewa-dewi perang seperti nabau telah menjadi ikon terhadap mereka. Oleh itu, kisah keberanian dan kepahlawanan terinspirasi daripada nenek moyang kaum iban dan segala adat yang diamalkan secara turun-temurun.

#### 4.4 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, puisi Iban Sampi enggau Biau ini merupakan sebuah karya yang unggul hal ini demikian kerana penghasilannya memiliki nilai yang tinggi dan berharga dari segi intipatinya. Keunggulan karya puisi ini dapat dinilai dengan penghasilan karya yang mana telah disampaikan dengan makna yang tersirat

ataupun secara tersurat agar dapat menyampaikan makna bagi penggunaan harian, teguran, nasihat, panduan dan pengajaran. Tegasnya, melalui puisi ini dapat menggunakan makna berlapis yang akan menjadi titik persoalan dalam kalangan masyarakat dan persekitaran yang melingkungi corak kehidupan, budaya sehari-hari termasuk rangkaian sosial dalam masyarakat disekeliling.



## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang terakhir di dalam kajian ini. Pada bahagian bab ini juga, pengkaji akan menerangkan secara menyeluruh yang berkenaan dengan analisis dan dapatan kajian yang telah dilakukan dan diperolehi. Setelah menjalankan kajian ini secara terperinci mengenai Kajian Biotik di dalam Puisi Rakyat Iban Leka Sampi berdasarkan Buku *Sampi enggau Biau* sebagai satu Interaksi di antara manusia dan alam menggunakan Teori Ekologi oleh masyarakat Iban terdahulu lagi. Hal ini demikian kerana, masyarakat pada ketika dahulu memiliki nilai estetika yang perlu diteladani serta diamalkan dalam generasi muda untuk mengekalkan warisan yang telah terbina sejak dulu lagi. Pengkaji telah menganalisi beberapa aspek-aspek unsur flora dan juga unsur fauna dalam puisi Iban sampi enggau Biau untuk dianalisis sebagai usaha untuk mengembangkan kesusastraan Iban kepada masyarakat yang mana boleh dijadikan sebagai panduan dan sewajarnya diterapkan di dalam kehidupan seharian.

#### 5.1 Rumusan

Secara rumusnya, sesebuah karya prosa ini merupakan sesuatu ungkapan yang mana secara terus ataupun secara kiasan ataupun kepada perlambangan yang mempunyai lapisan makna tertentu. Bentuk ungkapan secara pelambangan ini adalah bertujuan untuk menasihat, menegur, mendidik, sebagai panduan untuk menyedarkan dalam menjana pemikiran secara kritis. Oleh hal ini demikian kerana, dengan kehadiran perkara yang sering menggunakan makna berlapis yang akan menjadi titik persoalan dalam kalangan masyarakat dan persekitaran yang

melingkungi corak kehidupan, budaya sehari-hari termasuk rangkaian sosial dalam masyarakat disekeliling.

Selain itu juga, bentuk kiasan ataupun perlambangan juga dapat dikesan dalam karya seperti munculnya karya puisi-puisi Melayu tradisional dan moden. Oleh itu melalui pendekatan ekologi, di dalam puisi tradisional ini yang mana telah ditonjolkan kepada masyarakat Iban bagi menyampaikan pemikiran serta bagi meluahkan apa yang dirasakan oleh mereka. Hal ini demikian kerana, tujuan menciptanya puisi *leka sampi* Iban ini juga adalah untuk menghiburkan, berjenaka, mengajar serta digunakan dalam mendidik dengan memasukkan serta menyelitkan sekali dengan aspek-aspek unsur alam seperti flora dan fauna sebagai kiasan ataupun melambangkan terhadap sesuatu perkara yang memiliki maknanya yang sebaliknya.

Seterusnya, melalui kemulan aspek-aspek unsur alam masyarakat boleh merasa bebas untuk mengekspresikan diri mereka melalui sudut pandang yang berbeza tanpa mengira perilaku tersebut berunsur negatif atau positif agar pembaca dapat mengenalpasti dalam konteks yang berbeza. Pengkaji juga memberikan kebebasan kepada pembaca untuk menilai sendiri perspektif mereka mengenai aspek-aspek biotik dalam puisi tersebut adakah memberi kebaikan atau menuai kritikan dari pihak pembaca. Setiap perkembangan corak kehidupan yang melibatkan peristiwa tertentu akan mempengaruhi pengarang secara langsung atau tidak langsung di dalam penghasilan sesebuah karya khusus dalam teguran, panduan, nasihat dan didikan semasa.

## 5.2 Cadangan

Hal ini merujuk ke pada ruang lingkup dalam menghasilkan kajian yang dilaksanakan ini. Pengkaji amat yakin di samping melaksanakan kajian ini, hal ini kerana terdapat banyak kekurangan dan kelemahan serta mungkin perlu diperkembangkan dengan lebih lagi. Oleh itu, pengkaji cuba mengusulkan beberapa cadangan agar pihak lain atau pengkaji yang akan datang mampu meneruskan kajian dan penelitian di bawah tajuk yang sama, khususnya penelitian dalam penggunaan ungkapan sebagai simbolik dalam kehidupan sosial masyarakat Iban. Antara cadangan yang mampu diutarakan oleh pengkaji ialah mengenai satu interaksi di antara manusia dan alam dalam Puisi Iban buku *Sampi enggau Biau* telah dilaksanakan. Pengkaji ini memberikan beberapa cadangan ataupun saranan yang dirasakan berguna bagi mempertingkatkan Puisi Iban dan penguasaan intipati kepada para khalayak mengenai lingkungannya.

### 5.2.1 Dengan memperluaskan kajian sebagai suatu simbolik

Kajian ilmiah seperti ini perlulah dimantapkan kepada pengkaji yang akan melalui peredaran masa sama ada dalam kaedah menemu bual masyarakat yang terdiri daripada suku kaum Iban di Malaysia bagi memperolehi data dan juga maklumat yang ada berkait rapat dengan kajian biotik yang mana telah memberikan interaksi di antara alam dan manusia seperti yang telah dinyatakan di dalam puisi *leka sampi* masyarakat Iban sama ada masih sahihnya. Hal ini demikian kerana, pengkaji akan menarik menjadi bahan kajian khususnya di dalam menelusuri kepada sifat perseorangan manusia. Oleh itu, faktor daripada pengkaji sendiri yang akan cenderung dan pengaruh bagi memperluaskan kajian tentang penggunaan istillah ataupun bentuk ungkapan dalam sesebuah karya.

### **5.2.2 Memperbanyakkan karya kesusasteraan dalam Media Digital**

Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa kurangnya teks kesusasteraan terutamanya kesusasteraan puisi tradisional *leka sampi* masyarakat Iban di dalam media Digital. Hal ini demikian kerana, telah meyukarkan pengkaji untuk memperolehi maklumat yang sahih adapun yang terjumpa mungkin masih belum menyokong kepada intipati perbincangan daripada laman web. Oleh itu, tindakan seorang penerbit yang akan datang, boleh mengambil tajuk dan objektif kajian yang sama dengan memaparkannya di dalam media digital supaya khalayak dapat memanfaatkan teks kesusasteraannya. Penerbit boleh memuat naik karya kesusasteraan mereka secara E-Sastera ataupun juga dikenali sebagai sastera siber yang mana akan mengintegrasikan ciri-ciri multimedia (teks, warna, grafik, animasi, dan bunyi) dan bersifat interaktif, iaitu mampu memberi tindak balas terhadap rangsangan khalayak serta dikomposisikan dengan memanfaatkan sistem talian web.

### **5.2.3 Mewujudkan Pendidikan bidang Kesusasteraan pada peringkat Sekolah Rendah**

Melalui motif utama dalam mencapai objektif kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji dalam kajian di bawah tajuk ini. Hal ini demikian kerana, pada masa sekarang bidang kesusasteraan hanyalah mula didedahkan pada peringkat sekolah Menengah dengan mewujudkan pendidikan kesusasteraan diperingkat rendah dapat kita lihat pelajar-pelajar di sekolah rendah hanyalah didedahkan dengan subjek Bahasa Melayu yang mana hanya silibus asas sahaja yang mana tidaklah mendalam. Oleh hal yang demikian, pengkaji ingin mencadangkan dengan

mewujudkan kesusasteraan ini dari sekolah rendah hal ini dapat memupuk minat dan dapat mendedahkan kesusasteraan ini kepada pelajar-pelajar dari awal supaya mereka terbiasa dengan munculnya subjek ini. Selain itu, dengan adalah sistem pendidikan ini diwujudkan dari peringkat awal dapat untuk mengetengahkan memartabatkan diri mereka dalam dunia sastera.

### 5.3 Penutup

Sebelum pena diskusi melabuhkan noktahnya, dalam kajian yang telah dijalankan berjudul “Kajian Biotik Di Dalam Puisi Iban Leka Sampi: Satu Interaksi Di Antara Manusia dan Alam menggunakan Teori Ekologi ini dapat memberikan kesan kepada masyarakat melalui aspek-aspek jati diri Melayu yang telah diketengahkan kerana mampu mempengaruhi masyarakat untuk menerapkan dan telah menjadikan aspek-aspek dalam amalan sehari-hari. Oleh itu, secara tidak langsungnya , aspek-aspek ini dapat mengukuhkan tahap ketamadunan yang telah tercipta sejak sekian lama. Pada kajian ini, pengkaji telah menyatakan beberapa cadangan yang bersesuaian digunakan sebagai salah satu usaha bagi mengembangkan lagi amalan-amalan di dalam kalangan masyarakat. Tegasnya, cadangan yang telah telah diutarkan oleh pengkaji adalah dengan memperluaskan kajian sebagai suatu simbolik dalam pengkaji yang akan datang. Selain itu, dengan penggunaan media digital sebagai satu inisiatif bagi menjalankan transformasi mengikut dengan predaran zaman dalam menarik minat masyarakat terutamanya dalam kalangan golongan muda dengan mengrekodkan puisi Iban *Leka Sampi*. Manakala, cadangannya dengan mewujudkan pendidikan dalam subjek kesusasteraan pada peringkat sekolah rendah lagi hal ini dapat memupuk minat agar dapat mendedahkan dunia kesusasteraan dalam kalangan elajar-pelajar dari peringkat

awal supaya mereka terbiasa dengan kemuncullandunia sastera pada masyarakat sekarang.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## RUJUKAN

- Anak Gerry, D., & Anak Osup, C. (2020). Kaedah Mengalami-Menghayati Dalam Pengajaran Bahasa Iban Dengan Menggunakan Ensera" Dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, 31(1), 76–88.
- D. , R. M. (2008). *Iban*. Pustaka Printis.
- Emmor. (2015, June 16). *Pantun Iban poetess proud of traditional heritage*.
- Espig, G., & Bittner, A. (1988). *Ekologi*. Yayasan Obor Indonesia.
- Freeman, D. (n.d.). *The Iban*. Human Relations Area Files.
- Godwin, G., & Arns, F. (2015). *Flora*. Uitgeverij Oorsprong.
- Inc., A. F. (n.d.). *Green Focus*. Flora. <https://flora.appfinca.com/>.
- Ringit, C., Abdul Wahab, H., & Gedat, R. (2021). The Fear Domain of Iban Sebuyau, Sarawak Communities Euphemisms: Metaphor Conceptual Analysis / Domain Ketakutan Bahasa Halus Masyarakat Iban Sebuyau, Sarawak: Satu Analisis.
- Saleh, R. M. (1998). *Pantun Iban*. Tun Jugah Foundation. Springer.
- J. L. (1990). *The Iban: a people in transition*.
- Umbat, J. (2015). *Pantun Iban*. Kuching: Tun Jugah Foundation.
- Weale, A. (1987). *Flora*. Worldwide.
- Winkfield, E. D. (1992). *Flora*. E.D. Winkfield.
- Abdul Rahman, Mohd. Tajuddin Haji.(1986). *Padi*. Kuala Lumpur. Karya Bistari Sdn.Bhd.
- Utusan Sarawak. (2020, July 8). Agama Adat Iban dalam Politeisme - UTUSAN SARAWAK. UTUSAN SARAWAK.
- Uwa1971. (2013,April14). *Bulu manok manah*. *Ibanology*; *Ibanology*. <https://ibanology.wordpress.com/2013/04/14/1214/>.
- DongengsiKenyalang.(2019).KataMalaysia  
.https://katamalaysia.my/culture/dongeng-si-kenyalang/.

Haryani Ngah. (2016, May 16). Ular berbisa di Malaysia. -BERITA HARIAN. BERITA HARIAN.

*Sengalang Burung*— JAKUIBAN.COM. (2023).JAKUIBAN.COM; JAKUIBAN.COM.  
<https://ibanpedia.wordpress.com/tag/sengalang-burung/>.

## RUJUKAN INTERNET

BorneoPost Online.

<https://www.theborneopost.com/2015/06/17/pantun-iban-poetess-proud-of-traditional-heritage/>. (akses: 15 Oktober 2023).

Iban *Dindang and Malay Pantun: Impact on Intellectual ...* (n.d.).  
[https://hrmars.com/papers\\_submitted/5910/Iban\\_Dindang\\_and\\_Malay\\_Pantun\\_Impact\\_on\\_Intellectual\\_Intelligence\\_and\\_Building\\_of\\_Human\\_Capital\\_in\\_Iban\\_and\\_Malay\\_Communities.pdf](https://hrmars.com/papers_submitted/5910/Iban_Dindang_and_Malay_Pantun_Impact_on_Intellectual_Intelligence_and_Building_of_Human_Capital_in_Iban_and_Malay_Communities.pdf).

LEKA MAIN: PUISI RAKYAT IBAN - SATU ANALISIS BENTUK DAN FUNGSI. (n.d.).  
[http://eprints.usm.my/9122/1/LEKA\\_MAIN\\_PUISI\\_RAKYAT\\_IBAN\\_-SATU\\_ANALISIS.pdf](http://eprints.usm.my/9122/1/LEKA_MAIN_PUISI_RAKYAT_IBAN_-SATU_ANALISIS.pdf). Ridha, R. M. (n.d.). *Ekologi*. Academia.edu.  
<https://www.academia.edu/19831943/Ekologi>.

Unknown. (1970, January 1). *Pantun Peransang Ngangkatka Jaku Iban*. Randau Rendai.  
<https://potatobejakublablabla.blogspot.com/2016/07/pantun-peransang-ngangkatka-jaku-iban.html>.

Anam Masrur, & admin, A. (2015, March 18). *Flora-Fauna*. FOSI.

Nazurah. (2021, June 10). *Khasiat Buah Bambangan Yang Cukup Popular Di Borneo. Boleh Bunuh Sel Kanser!*  
[SirapLimau.com](https://siraplimau.com/).  
<https://siraplimau.com/khasiat-buah-bambangan-kanser/>.

To,C.(2006,July30).*Daun*.Wikipedia.org;WikimediaFoundation,Inc.  
<https://ms.wikipedia.org/wiki/Daun#:~:text=Dalam%20kebanyakan%20kes%20daun%2Ddaun,sebilangan%20tumbuhan%20untuk%20kegunaan%20ain>.

To, C.(2003, December 15). *Mengkudu*. Wikipedia.org; Wikimedia Foundation, Inc.  
<https://ms.wikipedia.org/wiki/Mengkudu>.

To, C.(2006, February 12). *anggota tumbuhan yang digunakan untuk pembibitan dan juga boleh berubah bentuk menjadi buah*. Wikipedia.org;Wikimedia Foundation, Inc. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Bunga>.

To, C. (2004, July 2). *rempah yang digunakan dalam masakan kari dan lain-lainnya*. Wikipedia.org;Wikimedia Foundation, Inc. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Kunyit>.

To, C. (2003, September 23). *genus tumbuhan*. Wikipedia.org; Wikimedia Foundation, Inc. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Durian>.

Lalang I- *maksud di Kamus Bahasa Melayu*. (2021, January 12). Kamus Bahasa Melayu-Cari Maksud Perkataan Secara Online. <https://kamusbm.com/lalang-i/>

To, C. (2004, November 26). *Ara (pokok)*. Wikipedia.org; Wikimedia Foundation, Inc. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Ara\\_\(pokok\)](https://ms.wikipedia.org/wiki/Ara_(pokok)).

*PISANG DALAM KEHIDUPAN MANUSIA*. (2010, June 20). Wannura; Wannura. <https://wannura.wordpress.com/2010/06/20/pisang-dalam-kehidupan-manusia/>.

To, C. (2008, August 13). *Rebung buluh*. Wikipedia.org; Wikimedia Foundation, Inc. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Rebung\\_buluh](https://ms.wikipedia.org/wiki/Rebung_buluh).

To, C. (2011, March 25). *Pauh*. Wikipedia.org; Wikimedia Foundation, Inc. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Pauh>.

Ridzki.Sigit. (2016, January 11). *Tiong Emas, Si Peniru Suara Manusia yang Ulung*. Mongabay.co.id. <https://www.mongabay.co.id/2016/01/11/tiong-emas-si-peniru-suara-manusia-yang-ulung/>

Amang. (2021, October 12). *Mengenal Identiti Ikan Rasmi Sarawak – Semah. Umpan; Umpan*. <https://www.umpan.com.my/mengenal-identiti-ikan-rasmi-sarawak-semah/>.

*TEKUYUNG-Definisi tekuyung dalam kamus Melayu*. (2023). Educalingo.com. <https://educalingo.com/ms/dic-ms/tekuyung>

*CarianUmum*. (2017). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kerang>.

Indun Silong. (2020, April 21). Misteri pahlawan bernama Bungai Nuing. Suara Sarawak. <https://suarasarawak.my/2020/04/misteri-pahlawan-bernama-bungai-nuing/>.

Kunjak, L. (2020, August 16). Resia Batu Nabau di Engkilili. Suara Sarawak. <https://suarasarawak.my/2020/08/resia-batu-nabau-di-engkilili/>.

To, C. (2003, September 23). *genus tumbuhan*. Wikipedia.org; Wikimedia Foundation, Inc. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Durian>.

Lalang I- *maksud di Kamus Bahasa Melayu*. (2021, January 12). Kamus Bahasa Melayu-Cari Maksud Perkataan Secara Online. <https://kamusbm.com/lalang-i/>

To, C. (2004, November 26). Ara (pokok). Wikipedia.org; Wikimedia Foundation, Inc. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Ara\\_\(pokok\)](https://ms.wikipedia.org/wiki/Ara_(pokok)).

PISANG DALAM KEHIDUPAN MANUSIA. (2010, June 20). Wannura; Wannura. <https://wannura.wordpress.com/2010/06/20/pisang-dalam-kehidupan-manusia/>.

To, C. (2008, August 13). Rebung buluh. Wikipedia.org; Wikimedia Foundation, Inc. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Rebung\\_buluh](https://ms.wikipedia.org/wiki/Rebung_buluh).

To, C. (2011, March 25). Pauh. Wikipedia.org; Wikimedia Foundation, Inc. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Pauh>.

Ridzki.Sigit. (2016, January 11). Tiong Emas, Si Peniru Suara Manusia yang Ulung. Mongabay.co.id.<https://www.mongabay.co.id/2016/01/11/tiong-emas-si-peniru-suara-manusia-yang-ulung/>

Amang. (2021, October 12). Mengenal Identiti Ikan Rasmi Sarawak – Semah. Umpan; Umpan.<https://www.umpan.com.my/mengenal-identiti-ikan-rasmi-sarawak-semah/>.

TEKUYUNG-Definisi tekuyung dalam kamus Melayu.(2023).Educalingo.com. <https://educalingo.com/ms/dic-ms/tekuyung>

CarianUmum.(2017).Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kerang>.

Indun Silong. (2020, April 21). Misteri pahlawan bernama Bungai Nuing. Suara Sarawak.<https://suarasarawak.my/2020/04/misteri-pahlawan-bernama-bungai-nuing/>.

Kunjak, L. (2020, August 16). Resia Batu Nabau di Engkilili. Suara Sarawak. <https://suarasarawak.my/2020/08/resia-batu-nabau-di-engkilili/>.



UNIVERSITI  

---

  
MALAYSIA  

---

  
KELANTAN